


**Jilid I
Bil. 10**



**Hari Isnin
14hb April, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 917]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 917]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 917]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 918]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 920]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 921]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) [Ruangan 957]

Rang Undang-undang Insuran (Pindaan) [Ruangan 966]

Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) [Ruangan 927]

UCAPAN TANGGUHAN:

Iklan TV Merupakan Seks/Romantis [Ruangan 998]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 14hb April, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

„ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).

„ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

„ TAN SRI DATUK LIM CHING WAH, P.S.M., P.G.D.K.

„ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

„ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).

„ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).

„ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).

„ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).

„ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

„ TUAN OOI ENG HONG, S.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).

„ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

„ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).

„ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).

„ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).

„ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., J.P. (Dilantik).

„ DATUK DR. C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).

„ PUAN SITI FATIMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).

„ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).

„ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).

„ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

„ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

„ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).

„ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.M.K., A.K. Datuk Kaya Pati (Dilantik).

„ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

„ TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).

„ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

„ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y. M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P. J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Datuk Sri S. P. Seenivasagam

Tan Sri (Datuk) Lim Ching Wah

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli baru yang telah mengangkat Sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga mereka dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada Negara seterusnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujuan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan, 1975;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1974), 1975;
3. Akta Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan), 1975;
4. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan), 1975;
5. Akta Cukai Perkhidmatan, 1975;
6. Akta Lalulintas Jalan (Pindaan), 1975;
7. Akta Cukai Perjudian (Pindaan), 1975;
8. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 1975;

9. Akta Cukai Spekulasi Tanah (Pindaan), 1975;
10. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas), 1975;
11. Akta Bank Pembangunan Islam, 1975;
12. Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1975;
13. Akta Mahkamah Keadilan (Pindaan), 1975;
14. Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan), 1975;
15. Akta Pembahagian (Pindaan), 1975;
16. Akta Penerbangan Awam (Pindaan), 1975;
17. Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pindaan), 1975;
18. Akta Pemegang Amanah (Pindaan), 1975;
19. Akta (Saraan, Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1975;
20. Akta Kawalan Harga (Pindaan), 1975;
21. Akta Kawalan Bekalan (Pindaan), 1975;
22. Akta Peruntukan Diraja (Pindaan), 1975; dan
23. Akta Perbandaran dan Lembaga Bandaran (Pindaan), 1975.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujuan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan itu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan);

2. Rang Undang-undang Insuran (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian;
5. Rang Undang-undang (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pendaftaran Beranak dan Mati (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Mahkamah Budak-budak (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Instituti PIA-waian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan);
10. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan) (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Ahli Kimia;
15. Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah;
17. Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan);
18. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
19. Rang Undang-undang Wang Yang Tak Dituntut (Pindaan);
20. Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan);
21. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
22. Rang Undang-undang Sivil (Pindaan); dan
23. Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan).

Tandatangan:
 YANG DI-PERTUA
 DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya semua Rang Undang-undang yang tersebut di bawah ini dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Insuran (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian;
5. Rang Undang-undang (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pendaftaran Beranak dan Mati (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Mahkamah Budak-budak (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Instituti PIA-waian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan);
10. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan) (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Ahli Kimia;
15. Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah;
17. Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan);
18. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
19. Rang Undang-undang Wang Yang Tak Dituntut (Pindaan);
20. Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan);

21. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
22. Rang Undang-undang Sivil (Pindaan); dan
23. Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

ANGGOTA KOMINIS KE REPUBLIK RAKYAT CHINA

1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejak Merdeka berapa kali pihak Kerajaan telah berusaha menghantar balik orang-orang China yang berikut ke Republik Rakyat China:
 - (i) bekas anggota kominis di Sarawak;
 - (ii) anggota kominis Malaysia yang menerima hukuman buang Negeri;
- (b) apa tindak balas Kerajaan R.R.C.;
- (c) berapa jumlah mereka yang terlibat; dan
- (d) tidakkah amalan ini telah dibuat di zaman Kerajaan Penjajahan Inggeris dahulu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan perkara ini Kerajaan tidaklah pernah berbuat demikian. Pemergian anggota-anggota kominis ke Republik Rakyat China adalah di atas kemahuan mereka sendiri untuk menetap di sana di mana segala perbelanjaan ditanggung oleh mereka sendiri. Amalan seperti ini dilakukan juga oleh penjajah dahulu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah melawat ke Republik Rakyat China dan Chairman Mao telah mengatakan beliau tidak mahu campurtangan di atas perkara pengganas kominis di negeri ini ataupun lain-lain. Dengan sebab itu, sekiranya

pengganas-pengganas kominis ataupun orang-orang China yang ada di dalam negeri ini yang bukan warganegara negeri ini mahu balik ke negeri China adakah Kerajaan Republik Rakyat China mahu menerima orang-orang ini balik walaupun tambang-menambang dibayar oleh mereka sendiri?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya tidak melanjutkan jawapan kepada soalan ini, oleh kerana beberapa sebab yang tertentu yang mungkin agak sensitif. Oleh itu saya mohon tidak melanjutkan jawapan kepada soalan itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan soalan saya tadi, adakah tidak bahawa setengah daripada bekas anggota kominis daripada Sarawak telah cuba hendak dihantar balik ke Republik Rakyat China yang mana Kerajaan di sana tidak mahu menerimanya. Adakah perkara ini ada berlaku dalam negeri ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi bahawa saya mohon tidak akan menjawab soalan ini.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya tidak lagi melanjutkan jawapan kepada soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA— KEMAJUAN

2. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) setelah tamat Rancangan Malaysia Kedua berapa buah negeri dikatakan kemajuannya lembab jauh daripada memuaskan, dan nyatakan pula negeri-negeri yang telah mencapai kejayaan;
- (b) apa langkah-langkah yang sedang diusahakan supaya perkara ini tidak berulang lagi dalam pelancaran Rancangan Malaysia Yang Ketiga; dan
- (c) apa punca yang besar menyebabkan kelembapan itu.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, dalam persiapan Rancangan Malaysia Ketiga (R.M.K.) (1976-1980) satu penilaian sedang dibuat atas kemajuan dalam mengurangkan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang di antara Negeri-negeri. Keputusan-keputusan penilaian ini akan diterangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Di samping itu dasar-dasar dan rancangan-rancangan bagi mengurangkan jurang perbezaan antara Negeri-negeri akan dibentangkan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, keadaan tidak seimbang yang ada sekarang ini, di antara Negeri-negeri adalah disebabkan oleh beberapa faktor ekonomi dan sejarah yang asas. Usaha-usaha pembangunan semenjak merdeka dalam tahun 1957 telah banyak ditumpukan kepada mengurangkan kedudukan yang tidak seimbang ini. Walaupun banyak usaha yang dijalankan, masih jelas bahawa Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan mempunyai taraf kemajuan yang lebih tinggi dari Negeri-negeri yang kurang maju seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu. Sungguhpun tidaklah wajar mengharap yang semua negeri mempunyai taraf kemajuan ekonomi yang sama, kita mestilah menentukan bahawa ketidakseimbangan ekonomi tidak menjadi terlalu besar hingga menyebabkan ekonomi Malaysia berat sebelah.

Berbagai rancangan, terutamanya rancangan kemajuan kawasan untuk Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Trengganu, Ulu Kelantan dan rancangan perairan di Kemubu dan Muda, diharapkan akan mempunyai kesan yang besar di masa hadapan dalam meninggikan taraf pembangunan di negeri-negeri yang kurang maju. Adalah mustahak langkah-langkah yang lebih positif dan berkesan diambil bagi mengurangkan lagi kedudukan yang tidak seimbang itu. Strategi, dasar-dasar dan rancangan-rancangan untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara Negeri-negeri akan dibincangkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang sedang disediakan.

Oleh kerana Dewan Negara akan diberi peluang yang penuh untuk mengkaji dan membincangkan Rancangan Malaysia Ketiga apabila ia dibentangkan kelak, saya tidak bercadang memberi jawapan panjang kepada soalan Ahli Yang Berhormat di peringkat ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah ketidakseimbangan ataupun ada kelembapan dalam sesebuah Negeri, adakah benar bahawa ada di antara Negeri-negeri yang lembab perlaksanaannya itu disebabkan ada perbuatan penyelewengan yang dilakukan oleh setengah-setengah pegawai dalam Negeri itu?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, laju (speed) pembangunan di sesebuah negeri itu adalah berbeza dan sebab-sebabnya adalah banyak.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kelemahan di Negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu dan Pahang ialah disebabkan rancangan memberatkan kawasan Pantai Barat lebih daripada Pantai Timur. Dengan sebab itu banyak kekurangan umpamanya jalan-jalan keretapi tidak ada di Trengganu, pelabuhan baru hendak dibuat. Adakah Kerajaan sedar atas kesalahan ini dan akan dibaiki pada masa akan datang supaya perseimbangan antara Pantai Barat dan Pantai Timur dapat disamakan?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi sejarah telah mewujudkan keadaan yang tidak seimbang ini dan dalam kajian Rancangan Malaysia Ketiga perkara ini akan diberi perhatian yang sewajarnya supaya ketidakseimbangan itu tidak akan terus berlaku.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan lagi. Adakah Kerajaan sedar bahawa di antara punca yang menyebabkan tidak seimbang tadi ada setengah-setengah negeri dalam melaksanakan projek menggunakan sistem pandang-memandang sekiranya tempat itu ada Wakil Rakyat, ada Ahli Exco, maka kawasan itu dapat pelaksanaan. Adakah Kerajaan sedar masalah ini?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi speed ataupun had laju kemajuan itu berbeza daripada satu negeri atau kawasan dengan yang lain, dan masalah human problems juga boleh menyebabkan juga speed itu berlainan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pulau Pinang satu pulau yang kecil, tetapi oleh

kerana Ketua Menteriya cekap, pergi ke sana dan ke mari, barangkali tidak banyak menghabiskan duit Kerajaan, tetapi apabila pergi dia mendapat satu perkara yang dibawa balik, ada projek joint venture, kilang-kilang ditubuhkan. Sungguhpun tak ada hutan di sana dan tak ada apa-apa lagi, tetapi dapat mendirikan kilang-kilang lebih banyak lagi dan orang-orang luar negeri datang untuk melaburkan modal di Pulau Pinang. Tidak adakah setengah-setengah daripada Menteri Besar dalam tiap-tiap negeri itu usaha-usahanya yang lebih berkesan untuk melaksanakan kemajuan dalam negeri itu, ataupun hanya cuma duduk menunggu Kerajaan Federal sahaja untuk membantu dan sebagainya. Adakah itu satu faktor yang besar yang difikirkan oleh Menteri atau tidak?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu pendapat Ahli Yang Berhormat sendiri berkenaan dengan cekap atau tidak Ketua Menteri Pulau Pinang. Tetapi segi faktor geography Pulau Pinang mestilah diambil pertimbangan di dalam mendapatkan kemajuan dan pembangunan di negeri itu. Berkenaan dengan Menteri-menteri Besar lain, saya rasa patutlah Ahli Yang Berhormat tujuan pertanyaan itu kepada Ketua Menteri atau Menteri-menteri Besar yang berkenaan kenapa negeri mereka tidak maju sebagaimana yang sepatutnya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab berkenaan dengan speed atau laju kemajuan yang tidak serupa di antara satu negeri dengan negeri lain. Kalau kita menyebut berkenaan speed itu maknanya bolehlah kita misalkan sebagai satu jentera di mana ada seorang derebar di dalamnya dan terserlah jentera itu berjalan mengikut tekanan minyak yang dibuat oleh derebar itu sendiri. Sekarang kalau kereta saya berjalan lebih laju daripada kereta Yang Berhormat Timbalan Menteri, maknanya tekanan minyak yang saya tekan itu lebih laju dan banyak daripada tekanan minyak yang dibuat oleh Timbalan Menteri. Jadi kalau begitu jawapannya, saya hendak bertanya adakah Timbalan Menteri berkenaan memahami dan menengok ada derebar yang sengaja mahu tak mahu menekan minyak, sedangkan jalannya lurus tak ada bengkok-bengkok, tetapi dia sengaja tak mahu menekan minyak, dan kalau didapati ada derebar yang tak mahu menekan minyak

sedangkan jalan patut laju, adakah Kerajaan bercadang supaya ditukarkan dengan derebar yang baru?

Datuk Abdullah Ahmad: Saya rasa kalau ada derebar yang tak menekan minyak langsung, keretanya tak berjalan pula. Tetapi keadaan sebenarnya tidak begitu—ada yang berjalan, cuma barangkali soal tekan kuat atau tak kuat sahaja. Itu bukanlah salah derebar, di mana-mana pun berlaku soal tekan kuat atau tidak kuat ini. Selain daripada itu, seperti jawapan saya kepada Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik tadi, sepatutnya perkara ini ditujukan kepada Kerajaan Negeri, kerana derebar di Kerajaan Negeri ialah Menteri Besar dan Ketua Menteri, samada mereka hendak tekan kuat atau tak tekan minyak maka terpulanglah kepada mereka itu sendiri.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak memanjangkan soalan ini sebenarnya, tetapi bila Timbalan Menteri menyebutkan masaalah ini, maka kita mulalah bertanya. Soal hendak serah kepada Ketua Menteri atau Menteri Besar di tiap-tiap negeri, saya rasa tak timbul, sebab pembangunan Rancangan Malaysia Kedua ini bukan dibuat oleh negeri itu, tetapi Rancangan Malaysia Kedua ini dibuat oleh Kerajaan Pusat, manakala dibuat oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat mesti mengawasi mana kereta yang laju, mana kereta yang tak laju. Jadi itulah soal yang ditanyakan, kenapa soal laju dengan tidak laju itu timbul? Kalau sekiranya ada timbul apakah kerja hendak buat, atau rancangan yang hendak dibuat supaya keseimbangan laju itu ada, tidak berlaku satu laju dan satu tak laju.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan laju dan tak laju itu adalah soalan lain. Kalau hendak tahu mana yang laju dan mana yang tak laju, sila buat soalan lain.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Timbalan Menteri menyatakan, tujuan perkara ini kepada Menteri Besar yang bertanggungjawab, tetapi perkara ini oleh kerana ada sangkut-pautnya, ada kait-mengaitnya di antara negeri-negeri dengan Kerajaan Federal, dengan sebab itu saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi ada yang atas menekan yang bawah supaya kereta itu boleh jadi laju.

Bolehkah dapat ditekan betul-betul, kalau tak dapat ditekan, dikuit sedikit supaya motokar itu boleh laju sedikit, sebab ada kait-mengait di atas perkara ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi masalah human problems dan masalah ini sentiasa disedari oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering dan sentiasa melawat tiap-tiap negeri untuk melihat sendiri jentera Kerajaan mana yang berjalan atau tak berjalan dengan licinnya seperti sepatutnya. Saya tidak menyebutkan di sini di mana yang tak berjalan laju, kerana akan menimbulkan kerugian lebih daripada faedah dalam perhubungan kita antara satu sama lain.

Puan Rafidah Aziz: Soalan tambahan. Dalam menimbang tentang tak seimbangannya kemajuan pembangunan di antara satu negeri dengan negeri-negeri di Malaysia ini, mungkin satu sebab ialah kerana setengah negeri tadi kekurangan kakitangan, misalnya, di dalam susunan pentadbiran Kerajaan. Adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk mewujudkan satu central pool ataupun satu kumpulan kakitangan yang boleh khas dipinjamkan atau dimasukkan ke dalam susunan Kerajaan Negeri supaya meligatkan sedikit pentadbiran dan pelaksanaan projek di negeri-negeri yang dikatakan lembab itu?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat sekarang sedang membantu setengah Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Pegawai-pegawai Perancang untuk menolong mempercepatkan pembangunan di negeri-negeri itu, dan saya dari satu masa ke satu masa mengikut keperluan negeri itu dan juga mengikut keadaan yang berada di Pusat, kerana di Pusat pun kekurangan pegawai-pegawai yang berkenaan.

LOMBONG RUNTUH— KEMALANGAN

3. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan, sejak Merdeka hingga sekarang, akibat daripada lombong runtuh:

- (a) beberapa orang yang maut,
- (b) berapa orang yang cedera,

- (c) jumlah kerosakan harta benda,
- (d) jumlah ganjaran yang diberikan, dan
- (e) langkah-langkah mengelakkan kejadian itu supaya tidak berulang lagi.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan orang yang telah maut akibat kemalangan lombong semenjak Merdeka adalah iaitu dari awal 1958 dan akhir 1973 ialah sebanyak 182 orang.
- (b) Bilangan orang yang telah tercedera parah akibat kemalangan galian semenjak Merdeka dari tahun 1958-1973 sebanyak 83 orang.
- (c) Kerosakan harta benda tiada direkodkan oleh Jabatan Galian. Biasanya kemalangan lombong melibatkan harta-harta sendiri lombong-lombong yang berkenaan. Bila ada kerosakan kepada harta orang lain ianya diselesaikan sama sendiri atau menerusi Mahkamah Tinggi.
- (d) Ganti kepada yang tercedera ataupun kepada keluarga simati dibayar mengikut kadar yang tertentu di bawah "Workmen's Compensation Scheme."
- (e) Semua lombong-lombong di Negeri ini diperiksa oleh pegawai-pegawai luar Jabatan Galian. Tindakan keselamatan jika didapati perlu diambil mengikut kuasa di bawah Undang-undang Galian dan Peraturan, dan sekiranya sesuatu arahan tidak dipatuhi oleh pelombong-pelombong maka tindakan mahkamah diambil ke atas mereka. Untuk mengawasi lombong-lombong dengan lebih memuaskan lagi, tindakan telahpun diambil untuk menambah pegawai luar, dan selain daripada itu penyelidikan juga sedang dibuat untuk mengkaji dan mencari jalan bagaimanakah keselamatan muka lombong boleh dipastikan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri telah mengemukakan nama-nama yang tercedera dan yang mati di dalam akibat keruntuhan lombong-lombong ini dan apa yang saya dapat fahamkan daripada jawapan itu, iaitu keruntuhan itu memang ada dan pembunuhan terhadap manusia di situ ada, 182

orang mati, 83 orang cedera. Apakah lapuran yang telah diterima oleh Kementerian ini sebab-musababnya berlaku keruntuhan ini dan tidakkah dapat dicegah keruntuhan ini sebelum berlaku berdasarkan kepada lapuran-lapuran yang dikemukakan.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, angka 182 itu ialah meliputi jumlah tahun sebanyak 15 tahun, dapatlah kita kirakan berapa jumlah yang sebenarnya. Sememangnya Jabatan Galian seperti kata saya tadi sentiasa menyelidiki dan menerima lapuran daripada satu masa ke satu masa dan arahan-arahan sentiasa diberi. Kadang-kadang suatu lombong itu telahpun disiasat dan pihak Jabatan Galian merasa puas hati, tetapi oleh kerana bencana alam, umpamanya, hujan yang lebat ataupun oleh kerana kemungkinan pihak lombong itu tidak sempat mengadakan persediaan mengikut sebagaimana arahan daripada Jabatan Galian, maka itulah yang selalu berlaku tanah runtuh dan sebagainya. Jumlah kematian dan juga jumlah kecederaan seperti disebutkan tadi bukan sahaja disebabkan oleh keruntuhan lombong, tetapi termasuk berbagai-bagai jenis kemalangan yang menyentuh atau yang mengenai soal-soal perlombongan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam bahagian (c) tadi Kementerian ini telah mengadakan Pegawai Penyelia dalam masalah ini. Adakah Kementerian ini sedar bahawa perairan daripada lombong-lombong ke sungai-sungai dan anak sungai dalam negeri ini mendatangkan kesusahan kepada rakyat dan merosakkan tanam-tanaman. Adakah Kerajaan sentiasa memberikan pertimbangan kepada rakyat ini ataupun kepada ahli-ahli lombong itu.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan diberi kepada semua pihak. Sebelum suatu lombong itu diluluskan, maka pihak Jabatan Perlombongan di negara kita ini sentiasa membuat satu kajian samada lombong itu dibuat dengan jalan mengalirkan air-air lombong itu ke dalam sungai ataupun mengadakan satu sistem lombong dengan cara pusingan dalam kawasan yang sama. Jadi lombong-lombong pada masa yang lampau sebelum daripada ada suatu dasar polisi

untuk mengadakan suatu sistem perlombongan mengikut air pusingan, maka biasanya lombong-lombong itu mengalirkan airnya ke sungai. Inilah yang menyebabkan ada sebahagian daripada sungai-sungai di negara kita ini menjadi kotor dan berselut oleh kerana akibat daripada lombong-lombong yang tersebut. Jadi usaha-usaha sedang diteruskan oleh pihak Jabatan ini untuk mengkaji dari satu masa ke satu masa mengikut keadaan tempat itu sendiri, tentang cara bagaimana supaya kedua-dua pihak dapat terjamin, mendapat menafaat daripada sistem dan kaedah-kaedah yang diatur oleh Jabatan Perlombongan ini sendiri.

PAKAIAN SERAGAM KAKITANGAN PEREMPUAN

4. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mengubah pakaian seragam yang dipakai oleh kakitangan perempuan yang berkhidmat di Jabatan Kesihatan kepada pakaian seragam yang lebih sesuai dari segi kebudayaan dan ugama rasmi negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kesihatan belum lagi hendak mengubah pakaian seragam yang dipakai oleh kakitangan-kakitangan perempuan yang berkhidmat di Jabatan Kesihatan. Insya Allah, Kementerian saya akan mengkaji dengan telitinya di atas perkara ini di masa yang akan datang.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri puas hati dan seronok melihat pakaian yang dipakai sekarang?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, tak puas hati. Sebab itulah yang Kementerian saya hendak kaji untuk masa yang akan datang.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tak timbul masalah kajian tetapi masalah yang sekarang. Adakah beliau itu puas hati dan seronok menengok? Itu sahaja.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab.

RUMAH SAKIT DAERAH DI BACHOK

5. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Kesihatan menyatakan bila sebuah Rumah Sakit Daerah akan dibina di Bachok untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk di sana.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, bagi Negeri Kelantan Kementerian Kesihatan telah merancang pembinaan 3 buah Hospital di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Rancangan-rancangan itu ialah seperti berikut:

1. Hospital Besar Kubang Krian, Kota Bharu
2. Hospital Daerah Machang
3. Hospital Daerah Tanah Merah

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, 2 buah Hospital lagi telah dicadangkan seperti berikut:

1. Hospital Daerah Pasir Mas
2. Hospital Daerah Tumpat

Keutamaan yang tinggi adalah diberikan kepada Negeri Kelantan. Dengan itu Kelantan akan diberi 5 buah Hospital baru, dalam tempoh 10 tahun, dan ini boleh dianggap sebagai satu perkembangan yang terbesar jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

Mengikut dasar Kementerian saya, tiap-tiap Daerah akan diberi sebuah Hospital, sebagai satu langkah jangka panjang, dan sebuah Hospital Daerah akan dibina di Bachok pada masa akan datang.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Saya tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu hospital akan didirikan di Kota Bharu, di Machang dan di Tanah Merah lebih dahulu daripada yang lain, kebetulan tiga Wakil Rakyat di Kawasan ini semuanya Menteri. Adakah dasar begitu dijalankan oleh Kementerian Kesihatan?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bukanlah begitu dasarnya. Dasarnya ialah diberikan priority kepada tempat yang patut diberikan priority.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bilakah Hospital Besar di Kubang Krian, Kota Bharu akan disiapkan?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah, Hospital Besar Kota Bharu akan siap pada tahun 1978 atau 1979.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan No. 5 yang saya kemukakan menghendaki jawapan bila Hospital Daerah di Bachok itu akan didirikan, bukan maksud akan dibina, tak tentu bila-bila.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga, mungkin sekali akan masuk dalam Rancangan Malaysia Keempat, dan saya berjanji dalam Rancangan Malaysia Keempat pun Tahun Yang Pertama, insya Allah.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalnya pendek dan sepatutnya dijawab dengan pendek sahaja iaitu Hospital Daerah akan dibina di Bachok itu, bila? Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tahun 1990, cukuplah jawapannya Tetapi jawapan yang diberikan kepada hospital yang lain hendak dibina, bertambah kecilah nampaknya hati orang Bachok oleh kerana tempat lain yang tak ditanya itu akan diberitahu bila hendak dibina, tetapi di Bachok sendiri tidak ditentukan masanya, bila. Jadi kalau mengikut pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kelantan mendapat priority yang tertinggi dalam soal ini, kenapa Bachok ditinggalkan, sebab Bachok ialah satu daerah dalam Negeri Kelantan dan kawasan Bachok merupakan kawasan yang selalu ditimpa oleh bahaya, umpamanya, banjir dan sebagainya dan penduduk Bachok kebanyakannya terdiri daripada nelayan-nelayan. Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memandang perkara ini sebagai satu perkara yang serious yang mesti diutamakan daripada Machang misalnya, sekalipun Machang itu juga kawasan kepunyaan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi sudah berjalan Hospital Machang, jadi di Bachok penting kenapa tidak diambil itu sebagai priority.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi walaupun saya tahu soalnya adalah soalan pendek dan patut dijawab pendek, tetapi bagi saya jawab panjang oleh kerana perkara ini meliputi soal negeri. Kalaulah soalan ini datang

daripada Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat, betul di Bachok, tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu datang daripada Negeri Kelantan, kalau tak silap saya Ahli Yang Berhormat dilantikkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk kepentingan Negeri Kelantan keseluruhannya, maka saya menjawab keseluruhan Kelantan. Walau bagaimanapun, insya Allah, saya akan cuba memberikan perhatian yang berat walaupun hospital ini akan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat akan dicepatkan pembinaan sebuah hospital di Bachok.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tadi, saya ingin membuat soalan tambahan, adakah Kementerian ini boleh mengakui bahawa selama ini Kementerian ini telah meninggalkan bidang kesihatan dalam Negeri Kelantan dan baharu inilah Kerajaan sedar dan diberikan keutamaan projek-projek ini di Negeri Kelantan?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soal meninggal bukanlah kerana Kementerian ini meninggal di waktu selepas daripada merdeka dahulu, maka yang meninggalkan ini ialah penjajah dahulu.

PENGKALAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DI LUMUT

6. **Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) kemajuan yang telah dicapai setakat ini berkenaan dengan pembinaan Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Lumut; dan
- (b) adakah apa-apa langkah yang sedang dibuat untuk membina sebuah pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Bahagian Timur Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan (a), sukacita saya menyatakan bahawa semenjak Projek Pengkalan Tentera Laut di Lumut diluluskan dalam bulan September, 1972 beberapa kemajuan telahpun dicapai. Umpamanya kerja-kerja berikut sudah pun selesai:

- (a) Topographic dan hydrographic surveys.
- (b) Soil boring di kawasan darat dan laut Semenanjung Lumut.

(c) Pengambilan tanah dan pemindahan penduduk ke tempat lain akibat dari tanah-tanah yang telah diambil/beli oleh Kerajaan.

(d) Penyediaan konsep rekabentuk (design concepts).

Di samping itu, dalam tahun 1974 kerja-kerja membersihkan kawasan, membina jalan dan taliair dan lain-lain "earth work" telah mula dijalankan. Pada masa sekarang tiga kontraktor besar sedang giat menjalankan kerja-kerja tersebut. Pembinaan bangunan dijangka akan bermula dalam bulan Jun tahun ini. Tender untuk kerja tersebut telahpun diiklankan. Selain dari itu, kerja-kerja rekabentuk (detailed designs) sedang berjalan dengan lancar dan memuaskan. Adalah dijangka bahawa tempoh pembinaan Pengkalan itu akan menjadi bertambah rancak dalam dua tahun akan datang.

Berkenaan pertanyaan (b) pula, Kerajaan telah meluluskan satu projek untuk membina sebuah Pengkalan Hadapan Tentera Laut di Tanjong Gelang, Kuantan.

KAPAL PERANG TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

7. **Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa buah dan apa-apa jenis kapal perang yang dibeli oleh Malaysia sejak Januari, 1969 hingga 31hb Disember, 1974 dan harga-harganya.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, beberapa jenis kapal yang telah dibeli untuk Tentera Laut Diraja Malaysia semenjak 1hb Januari, 1969 hingga 31hb Disember, 1974 adalah berharga kesemuanya lebih kurang \$214.7 juta. Antara jenis-jenis kapal yang telah dibeli ialah Kapal Serang Laju, Kapal Ronda, Kapal Pendarat, Kapal Ukur dan Bot Lancang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pembelian kapal sebagaimana jumlah wang yang telah disebutkan oleh Menteri yang berkenaan tadi, adakah terdapat kapal-kapal yang kita beli itu kapal sudah lapuk atau kapal sudah lama?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Dalam pembelian kapal-kapal ini kita mengikut kemampuan kita sendiri.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pertahanan membeli kapal ini daripada agen kapalkah ataupun membeli kapal perang, oleh kerana banyak agen-agen kapal perang, membeli itu secara melalui agen kapal di sinikah ataupun di antara negeri dengan negeri supaya tidak ada komisyen didapati oleh agen-agen di sini. Adakah membeli daripada agen-agen, tentulah lebih mahal, ataupun terus sahaja begitu?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Mengikut pengetahuan saya semua pembelian ini terus dengan negeri-negeri yang membuat kapal-kapal itu. Walaupun barangkali dengan tidak kita ketahui selalunya firma-firma yang membuat kapal-kapal itu mungkin sudah melantik agen-ajennya di sini. Tetapi dalam agreement yang ditandatangani ialah di antara Kementerian kita dengan firma yang membina kapal-kapal itu.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berikutan daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kita membeli kapal-kapal itu mengikut kemampuan, bolehkah saya anggapkan bahawa kapal-kapal yang telah dibeli itu ada kapal-kapal yang tidak laku ataupun kapal-kapal yang sekarang ini telah jadi out-of-date?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Adakah Kerajaan bercadang hendak membeli kapal destroyer?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Kementerian memang sentiasa mengembangkan tentera laut dari semasa ke semasa mengikut kemampuan kewangan Kerajaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah sudah sampai kepada pengetahuan Kementerian Pertahanan bahawa ada sungutan daripada pasukan tentera laut kita kapal yang dibeli itu selalu rosak, kadang kala tidak boleh dapat digunakan. Adakah perkara ini sudah sampai kepada pengetahuan Kementerian yang berkenaan ini.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya tiap-tiap kapal yang ada itu tentu sekali mengalami kerosakan dari semasa ke semasa. Ini tetap berlaku.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Rosak yang saya maksudkan tadi ialah kapal lapuk yang dibeli oleh Kementerian dengan sebab itu selalu berlaku kerosakan, kapal yang rosak memang selalu rosak, tetapi kerosakan kapal ini oleh sebab keadaan kapal itu kapal yang lapuk, yang buruk dibeli oleh Kementerian ini. Adakah sudah sampai kepada pengetahuan Kementerian Pertahanan?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Kerosakan kapal, Tuan Yang di-Pertua, memang sentiasa diketahui oleh Kementerian saya dan Kementerian saya akan sentiasa berusaha untuk memperbaiki kapal-kapal yang rosak ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, di antara kapal-kapal ada kapal buruk ada kapal baik, ada kapal yang dibeli untuk kapal haji dan ada di antara kapal-kapal haji itu yang tidak sampai pun ke Mekah terpaksa berhenti di jeti, tidak boleh belayar lagi. Kapal itu baharu dibeli tetapi kapal second-hand. Itu bukan tujuan saya. Tujuan saya oleh kerana negeri kita ini banyak pulau-pulau iaitu di Malaysia Timur, di Malaysia Barat, maka untuk defence kita terpaksa membeli banyak kapal lagi walaupun dengan perbelanjaan yang banyak sekalipun oleh kerana penyeludupan banyak, kita sekarang sedang berlawan dengan penganas komunis, takut-takut kalau ada penyeludupan dengan kapal selam datang ke mari menyeludupkan senjata-senjata. Dengan sebab itu, kita berkehendakkan kapal-kapal yang lebih banyak lagi daripada yang ada pada hari ini. Jadi adakah kita fikirkan hendak membeli kapal selam dan kapal-kapal yang lain lebih banyak lagi seperti destroyer dan sebagainya. Adakah tujuan Kerajaan pada masa yang akan datang, misalnya, hendak membeli lebih banyak lagi untuk mempertahankan negara kita ini?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan adalah dalam proses

mengembangkan segala kegiatan dan menambahkan lagi bilangan kapal-kapal laut yang ada sekarang ini. Tetapi seberapa cepat kita akan dapat mempunyai beberapa banyak kapal-kapal yang dikehendaki oleh pertahanan kita, itu bergantunglah kepada bagaimanakah yang saya katakan tadi kemampuan kewangan negara kita untuk membeli atau mempunyai lebih banyak kapal-kapal lagi memang sudah menjadi dasar Kementerian saya.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian boleh menganggap bahawa "kemampuan" Kerajaan membeli kapal itu ialah dibeli kapal yang sudah bocor, apabila bawa tentera belum lagi tiba tentera itu sudah mati di tengah laut. Saya minta Kerajaan menarik balik perkataan "kemampuan" itu. Kalau kita hendak membeli beberapa buah kapal hendaklah betul-betul kapal yang baharu.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham apa sebenarnya tujuan soalan itu.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan mengikut "kemampuan" hendak membeli kapal. Kalau mengikut kemampuan boleh juga Yang Berhormat Timbalan Menteri membeli kapal yang bocor atau kapal yang sudah digunakan dalam perang di sebuah negeri lain. Jadi saya tidak hendak jawapan cara begitu, Tuan Yang di-Pertua, hendaklah beli kapal itu betul-betul yang dibina oleh sebuah negeri, janganlah Kementerian menjawab mengikut "kemampuan" Kerajaan. Ini tidak patut.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, kapal-kapal yang dibeli semuanya adalah yang baharu kalau mengikut pengetahuan saya dari semenjak saya dilantik Timbalan Menteri Pertahanan dalam bulan Oktober tahun lepas semua pembelian itu adalah kapal-kapal baharu dibina.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam mendapatkan kapal-kapal tentera laut dan juga alat-alat untuk peperangan ini, pihak-pihak manakah yang menasihatkan Kementerian dan Kerajaan tentang kapal apa dan alat-alat apa

yang hendak dibeli? Yang kita tahu bahawa dalam teknologi perkapalan dan juga alat-alat senjata ini kemajuan yang berlaku dengan keadaan terlalu cepat dan mungkin dalam menerima sesuatu nasihat atau sesuatu cadangan itu sudah jadi obsolete rancangan yang mula misalnya.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ada pegawai mengenai dengan pembelian kapal-kapal.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak berapa dengar, tolong cakap kuat sedikit.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian kita memang sudah ada penasihat-penasihat untuk pembelian satu-satu kapal.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pihak mana yang menasihatkan, adakah pakar dalam negeri atau luar negeri misalnya?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Saya sudah terangkan tadi. Dalam Kementerian Pertahanan ada expert yang akan menasihatkan kapal mana yang mesti kita beli iaitu pihak kita sendiri tidak semestinya kita bergantung kepada penasihat-penasihat luar negeri.

PEGAWAI/KAKITANGAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

8. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa bilangan pegawai dan kakitangan dalam Bahagian Kejuruteraan Tentera Laut Diraja Malaysia; dan
- (b) berapa bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam Tentera Laut Diraja Malaysia.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa dukacita tidak dapat memberi angka-angka yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana adalah menjadi dasar Kementerian saya tidak menyiarkan kepada umum maklumat seperti itu kerana sebab keselamatan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan Timbalan Menteri tadi walaupun umum, saya ingin hendak tahu dalam masaalah tentera ini juga. Adakah benar bahawa tentera perlu disusun semula termasuk tentera laut kita supaya dapat tugas-tugasnya selaras dengan dasar negara kita?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat itu soalan lain.

L.L.N.—PERLAKSANAAN TANGGA-GAJI PEKERJA

9. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada benar bahawa pekerja-pekerja Kerajaan dan badan-badan separuh Kerajaan akan diberi layanan yang lebih baik dari Kerajaan;
- (b) mengapakah terdapat kelambatan dalam melaksanakan tanggagaji baru bagi kakitangan L.L.N.; dan
- (c) samada Kerajaan dapat mengelakkan mogok oleh kakitangan L.L.N. dengan menunaikan permintaan mereka, jika munasabah.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan soalan:

- (a) Ya. Dasar Kerajaan ialah untuk membayar kadar yang berpatutan kepada pekerja-pekerja menggunakan prinsip kadar habuan mengikut Kerajaan atau dalam bahasa Inggeris "rate for the job". Tanggagaji-tanggagaji yang berkuatkuasa sekarang adalah hasil daripada pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya-suruhanjaya dan Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Kerajaan bagi mengkaji prinsip kadar gaji dan syarat-syarat bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan. Suruhanjaya-Suruhanjaya di Raja dan Jawatankuasa-jawatankuasa itu adalah seperti berikut:

Suruhanjaya di Raja bagi Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Hakim Tan Sri Suffian.

Suruhanjaya di Raja bagi Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan bagi Guru-guru yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Hakim Abdul Aziz.

Jawatankuasa Khas ini bagi menyemak tanggagaji anggota angkatan bersenjata yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Sheikh Abdullah.

Suruhanjaya di Raja Saraan dan Syarat-syarat Perkhidmatan bagi Kuasa-kuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Hakim Harun.

Sebuah Jawatankuasa yang baharu telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menyelaraskan prinsip dan tanggagaji yang diperakukan oleh Suruhanjaya-suruhanjaya dan Jawatankuasa-jawatankuasa Khas yang tersebut di atas.

- (b) Tiada sebarang kelambatan yang terdapat di Lembaga Letrik Negara di dalam pelaksanaan tanggaji baharu seperti yang disyorkan oleh Suruhanjaya Gaji Harun. Kertas-kertas option telahpun dikeluarkan kepada semua kakitangan L.L.N. pada 15hb Januari, 1975, dan mereka adalah diberi tempoh tiga bulan untuk membuat keputusan samada menerima atau tidak tawaran itu. Setakat ini 98% telahpun mengembalikan balik kertas option mereka. Mana-mana pekerja yang mengambil keputusan membuat pilihan sendiri bagi tanggaji dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah Suruhanjaya Gaji Harun mengikut tarafnya masing-masing akan diletakkan ke dalam tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang baharu itu mulai 1hb Mei, 1959, bagi pekerja-pekerja dalam Bahagian IV dan Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar dan mulai dari 1hb Januari, 1970 bagi pekerja-pekerja dalam bahagian I, II dan III.
- (c) Setakat ini pihak Pengurusan Lembaga Letrik Negara telah menerima beberapa tuntutan daripada pihak pekerja melalui kesatuan masing-masing yang melebihi daripada syor-syor yang terkandung di dalam Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun. Kesatuan-kesatuan pekerja itu telah memberi notis bahawa

mereka akan mengambil tindakan perusahaannya sekiranya tuntutan mereka itu tidak dilayani. Sebilangan besar daripada tuntutan kesatuan itu tidaklah dapat dilayani kerana terkeluar sama sekali daripada tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang telah diluluskan oleh Kerajaan baharu-baharu ini. Dalam pada itu ada sebilangan kecil tuntutan itu yang boleh dianggap sebagai anomalis dan ini adalah sedang ditimbang oleh pihak Pengurusan dan seterusnya akan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Setakat ini samada tindakan yang sedang diambil oleh pihak Pengurusan itu akan dapat mengelakkan mogok oleh kakitangan L.L.N. tidaklah dapat diduga.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah pihak Kementerian sedar bahawa semua tuntutan-tuntutan yang dibuat terutama sekali oleh pekerja L.L.N. ini telah dipengaruhi oleh orang lain. Misalnya oleh anasir anti nasional.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis atas soalan ini. Saya sukalah memberi jaminan kepada Yang Berhormat Senator bahawa jawapan akan dihantar kepadanya dengan segera.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Kerajaan telah menubuhkan berbagai-bagai Suruhanjaya Gaji dan Jawatankuasa-jawatankuasa untuk berbagai-bagai perkhidmatan dalam negara ini, tetapi menubuhkan lagi sebuah Suruhanjaya untuk mengesyor tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan baru bagi semua di negara ini adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan masih tidak berpuas hati dengan perakuan-perakuan yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya-Suruhanjaya itu?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berlainan sama sekali, dan tidak ada kena-mengena.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Pada suatu ketika dahulu ada berlaku mogok haram di kalangan pekerja L.L.N. Beberapa orang Menteri berucap

dalam radio dan talivisyen memohon pekerja-pekerja itu menghentikan tindakan yang tidak sah di sisi undang-undang. Saya suka hendak tahu adakah anasir-anasir lain yang telah menyeludup ke dalam gerakan Persatuan Buruh L.L.N. atau ada satu perkara lain yang benar-benar timbul dari hati sanubari mereka?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah lain daripada soalan asal.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan di dalam Dewan ini, mengapa Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat tidak hadir di dalam Dewan ini.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jawab soalan ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri pada petang ini tidak dapat hadir oleh kerana tugas-tugas yang lain yang mustahak dan beliau meminta saya menjawab soalan ini. Manakala Yang Berhormat Menteri pula pada masa sekarang berada di luar negeri atas urusan Kerajaan.

TAPAH PEKAN PERUSAHAAN

10. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan kepada pesatnya perkembangan perusahaan di negara ini, samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menjadikan Tapah sebuah pekan perusahaan, dan jika ya, bila.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan lagi untuk menjadikan Tapah sebagai sebuah pekan perusahaan.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menubuhkan satu industri di Tapah?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, saya sudah menjawab yang mana buat masa ini tidak ada rancangan bagi pihak Kerajaan menjadikan Tapah sebagai kawasan perusahaan.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Soalan tambahan. Di Tapah kebanyakan rakyat jelata adalah menyokong penuh 100% Barisan Nasional dan mereka selalu merungut sampai sekarang pun tidak ada satu industri didirikan di sana.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Soalan ini, saya rasa, tidak ada kena-mengena dengan masalah samada satu kawasan itu boleh dijadikan kawasan perusahaan tidak bergantung samada ia mendapat sokongan penuh daripada Barisan Nasional.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Soalan tambahan. Jikalau Yang Berhormat Menteri mahu, kita boleh hantar 100 atau 100,000 tandatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dengar, kuatkan sedikit.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham soalnya. (*Ketawa*)

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri tidak faham, saya katakan, saya boleh hantar tandatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan.

PEMBORONG PEMBINAAN LEBOH-RAYA KUALA LUMPUR/KARAK

11. Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) nama pemborong yang telah diberi tender untuk membina lebohraya Kuala Lumpur/Karak;
- (b) bilangan pemborong-pemborong dari dalam dan luar negeri yang menghantar tender untuk projek itu;
- (c) harga projek ini sebagaimana yang dipersetujui dengan pemborong yang berjaya.
- (d) berapa lama yang dianggarkan projek ini akan siap mengikut perjanjian; dan
- (e) jarak yang dapat dipendekkan oleh lebohraya ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Lebohraya Kuala Lumpur/Karak adalah terbahagi kepada 3 bahagian (sections).

Bahagian I—Pembinaan jalan dari batu 11 hingga ke batu 21.

Bahagian II—Pembinaan terowongan (tunnel) dan jalan-jalan "approaches".

Bahagian III—Pembinaan jalan dari batu 22 ke batu 28.

(a) Nama-nama pemborong yang telah diberi tender untuk projek ini ialah:

Bahagian I—Italian-Thai Development Corporation Ltd, Bangkok, Thailand.

Bahagian II—Korean Development Corporation, Korea Selatan.

Bahagian III—Italian-Thai Development Corporation Ltd, Bangkok, Thailand.

(b) Bilangan pemborong-pemborong yang menyertai tawaran untuk projek ini ialah:

Bahagian I—6 pemborong-pemborong semuanya dari luar negeri.

Bahagian II—4 pemborong-pemborong semuanya dari luar negeri.

Bahagian III—6 pemborong-pemborong semuanya dari luar negeri.

(c) Harga yang dipersetujui ialah:

Bahagian I—\$33,933,955.55.

Bahagian II—\$17,661,840.00.

Bahagian III—\$16,542,999.90.

(d) Tempoh projek ini dijangka siap ialah:

Bahagian I—Selama 900 hari (dari 1-11-1974 hingga 18-4-1977).

Bahagian II—Selama 900 hari (dari 1-12-1974 hingga 18-5-1977).

Bahagian III—Selama 900 hari (dari 1-11-1974 hingga 18-4-1977).

(e) Jarak yang akan dapat dipendekkan ialah 7 batu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya mengenai jalan di batu 13 ke Kuala Lumpur, adakah termasuk Bahagian I, II, atau III atau daripada Batu 13 yang disebutkan tadi terus ke atas. Dan dari batu 13 menuju ke arah Kuala Lumpur, masuk arah rancangan mana?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Seperti yang telah saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, Bahagian ialah dari batu 11 hingga ke batu 21, dan saya fikir ianya termasuk dalam bahagian itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Kalau masuk ke Bahagian 1 bermakna jalan itu hanya ada di batu 11 hingga terus ke sana, jadi kalau begitu dari Kuala Lumpur masuk ke batu 11 itu tidak ada jalan, atau bagaimana, sebab jalan ini jalan baru. Adakah jalan baru itu sekarang ini disambung dengan jalan yang lama? Tetapi yang saya lihat tidak ada sambungan, dia betul-betul berlainan daripada jalan yang ada sekarang ini dengan jalan yang baharu dibina, iaitu mulai daripada batu 13 ke atas tidak ada sambungan hingga ke sini. Jadi daripada batu 11, batu 13 sampai ke masa sambungannya ke Kuala Lumpur dan termasuk peringkat yang ke berapa?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya faham akan soalan tambahan itu, memang bahagian daripada Sungai Gombak itu atau berdekatan dengan Kuala Lumpur ke batu 11 ataupun batu 11½ itu termasuk phase yang kedua sebagaimana yang saya sebutkan tadi itu ialah phase yang pertama.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu adakah jalan Kuala Lumpur—Karak ini single lane, double lanes atau empat lanes?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan tambahan ini adalah soalan yang lain sedikit, tetapi ini adalah satu lebohraya (highway) bukan satu jalan. Jadi memanglah jalan ini akan lebih daripada dua lanes.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

PERUNDING PEMBINAAN AMPANGAN SUNGAI TEMBELING

12. Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan:

(a) nama perunding yang membuat kajian mengenai pembinaan sebuah ampangan di Sungai Tembeling dan samada suatu

lapuran mengenainya telah disampaikan kepada Kerajaan dan bilakah tender-tender akan dikeluarkan kepada pemborong-pemborong;

- (b) apakah kesan pembinaan ampangan ini terhadap penduduk-penduduk di Lembah Sungai Tembeling;
- (c) apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan ini akibat pembinaan ampangan ini; dan
- (d) jumlah wang yang telah dibayar kepada perunding ini kerana membuat kajian itu.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):

- (a) Nama perunding yang membuat kajian awal mengenai pembinaan ampangan di Sungai Tembeling itu ialah Syarikat V/O Technopromexport dari Moscow, Russia. Deraf laporannya telahpun disediakan dan setelah dikaji oleh pihak Lembaga, deraf laporan tersebut telah diserahkan semula kepada syarikat tersebut bersama dengan ulasan-ulasan untuk membolehkan syarikat itu mengemukakan laporan akhirnya. Syarikat Technopromexport telah menyatakan bahawa mereka akan dapat menyediakan laporan akhir itu di awal bulan Julai hadapan ini. Setakat ini tender-tender belumlah lagi dikeluarkan kepada pemborong-pemborong.
- (b) Mengikut deraf laporan yang telah dikemukakan oleh pihak Technopromexport itu beberapa buah kampung harus akan dipindah kerana kampung-kampung asal itu akan ditenggelami air sekira ampangan tersebut dibina kelak. Pada masa ini belumlah dapat dipastikan berapa buah kampung yang akan terlibat.
- (c) Soalan pengatasan kesulitan-kesulitan yang akan dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung tersebut akibat pembinaan ampangan itu akan dibincangkan dengan pihak Kerajaan Negeri Pahang tidak berapa lama lagi.
- (d) Jumlah bayaran kepada Syarikat Technopromexport untuk menjalankan kajian tersebut adalah sebanyak \$369,000.

HAKIM MAHKAMAH TINGGI— KEKURANGAN

13. Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin minta Perdana Menteri menyatakan memandang kepada suatu kenyataan yang dibuat oleh Majlis Peguam-peguam Malaysia di dalam akhbar baru-baru ini bahawa banyak kes-kes di Mahkamah Tinggi tiada dapat diselesaikan kerana kekurangan Hakim-hakim kerana pada masa ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan cuma 12 orang Hakim sahaja boleh dilantik, samada beliau bersetuju dengan cadangan Majlis Peguam-peguam dan meminda Perlembagaan untuk membolehkan lebih ramai lagi Hakim dilantik.

Datuk Abdullah Ahmad: Sebenarnya pada masa ini terdapat 13 orang Hakim-hakim Mahkamah Tinggi di Semenanjung Malaysia, dari 15 jawatan yang diperuntukkan. Di Sabah dan Sarawak dari 8 jawatan yang diperuntukkan, hanya 4 dipenuhi. Tindakan sedang diambil untuk mengisi 2 dari 4 kekosongan di Sabah dan Sarawak itu pada ketika ini. Tindakan untuk mengisi jawatan-jawatan yang masih kosong sedang dipertimbangkan. Bagaimanapun, soal menambah bilangan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang boleh dilantik melebihi daripada had maksima seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan adalah dalam kajian Kerajaan.

GURU-GURU UGAMA SEKOLAH RENDAH

14. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa Kementerian ini akan mengambilalih semua guru-guru agama di negara ini dari Jabatan Hal Ehwal UGAMA, dan jika ya, (a) bila, dan (b) samada Kementerian ini bercadang untuk mengambil guru-guru agama sementara bagi mengatasi kekurangan guru-guru tersebut di negara ini, terutama sekali di Trengganu.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):

(a) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri, kecuali Negeri Pahang dan Selangor yang belum menyatakan persetujuannya, sehingga hari ini, telah bersetuju menyerahkan guru-guru agama sekolah rendah bantuan Kerajaan daripada Kerajaan Negeri kepada

Kementerian Pelajaran berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1974 sekiranya guru-guru ini sebelumnya dibayar gaji sama banyak antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan guru-guru itu memilih untuk masuk dalam Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan apabila diberi peluang untuk membuat pilihan (option).

(b) Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah-langkah mengujudkan jawatan guru-guru agama sekolah rendah dalam Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan dan apabila kelulusan mengenai diprolehi guru-guru agama sementara/attachment yang memenuhi semua syarat akan dilantik untuk bertugas di sekolah-sekolah rendah termasuk di Trengganu.

Mengenai kekurangan guru-guru agama di sekolah-sekolah menengah, Kementerian Pelajaran telahpun melantik guru-guru agama sementara/attachment bagi memenuhi tempat-tempat yang kosong itu termasuk Negeri Trengganu.

GURU-GURU BESAR— GRED SEKOLAH

15. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian ini bercadang untuk menimbang semula kedudukan Guru-guru besar dan menempatkan mereka mengikut kekananan dan gred-gred sekolah.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pelajaran sedang mengkaji perkara penempatan Guru-guru Besar yang ada sekarang mengikut kekananan dan gred-gred sekolah. Akan tetapi mulai dari 1hb Januari, 1974 bagi memenuhi jawatan-jawatan Guru Besar yang kosong di Sekolah Rendah, Kementerian telah pun menempatkan Guru-guru Besar itu mengikut kekananan dan gred sekolah-sekolah yang berkenaan.

GURU-GURU BESAR/PENOLONG KANAN—JAWATAN

16. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) samada gaji baru bagi guru-guru besar telah diberi akibat tuntutan pihak Kesatuan, atau Kerajaan sendiri yang bertujuan hendak memberikan gaji baru itu kepada mereka;

- (b) mengapa gaji baru yang diberikan kepada guru-guru besar dan penolong-penolong kanan dan bukannya elaun tanggungjawab sahaja; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa dengan pemberian gaji baru ini bermaknalah bahawa guru-guru besar atau penolong-penolong kanan akan sentiasa menikmati gaji tersebut walaupun jawatan mereka dilucutkan dan mereka ditempatkan sebagai guru penolong.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Berdasarkan kepada perakuan Suruhanjaya Gaji Aziz jawatan-jawatan Guru Besar/Penolong Kanan di sekolah-sekolah telahpun digredkan semula mengikut tugas-tugas dan tanggungjawab jawatan-jawatan itu. Kerajaan telahpun memutuskan atas desakan daripada Kesatuan-kesatuan Guru supaya Guru-guru Besar di sekolah-sekolah Rendah diberi tanggagaji baru mengikut gred baru jawatan-jawatan yang disandang oleh mereka itu.
- (b) Memandangkan bahawa sebilangan besar daripada Guru-guru Besar/Penolong-penolong Kanan di Sekolah Rendah adalah terdiri daripada mereka yang telah lama berkhidmat maka mereka yang memegang jawatan tersebut antara 1hb April, 1972 hingga 31hb Disember, 1973 dan masih memegang jawatan itu semasa Surat Pekeliling mengenainya dikeluarkan telah diberi gaji baru. Ini adalah merupakan satu "concession". Walau bagaimanapun mulai dari 1hb Januari, 1974 guru-guru yang diperakukan untuk memangku jawatan Guru Besar/Penolong Kanan akan dibayar elaun pemangku atau elaun tanggungan kerja mengikut prinsip-prinsip yang biasa sebelum mereka disahkan dalam jawatan mereka.
- (c) Ya, saya sedar.

**GURU-GURU BESAR SEKOLAH
RENDAH—TANGGAGAJI**

17. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada benar bahawa dengan pelaksanaan gaji baru bagi guru-guru besar, guru-guru besar ini dan penolong-penolong kanan akan menerima pencen lebih daripada guru-guru penolong;

- (b) samada beliau sedar bahawa dengan pelaksanaan gaji baru ini, ramai guru-guru tidak puas hati dan ini menimbulkan banyak masalah; jika sedar, adakah Kementerian Pelajaran akan mengkaji perkara ini semula atau tetapkan satu sistem yang lebih adil untuk lantikan guru besar;
- (c) kedudukan guru-guru di bawah Kategori B1 dan tuntutan mereka serta cara perlaksanaannya.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Ya, benar.
- (b) Saya sedar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telahpun mengkaji dan cuba menyelesaikan semua masalah yang timbul dari pemberian tanggagaji baru yang berasaskan kepada "concession". Perlantikan Guru-guru Besar di sekolah rendah selepas 1hb Januari, 1974 adalah dibuat berdasarkan kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang biasa yang mana masalah-masalah seperti itu tidak akan timbul lagi.
- (c) Pada bulan Julai, 1974 Kerajaan telahpun membuat tawaran mengenai perubahan Sekim Gaji bagi guru-guru dalam Kategori B1 dan B2 kepada Jawatankuasa Bertindak Kebangsaan Kesatuan-kesatuan Guru Malaysia Barat yang mewakili guru-guru dalam golongan ini. Jawatankuasa tersebut pada perinsipnya telah menerima tawaran Kerajaan itu tetapi tertakluk kepada beberapa syarat tertentu yang mana syarat-syarat itu serta cara-cara perlaksanaannya masih lagi dikaji oleh Kerajaan.

DADAH—TANGKAPAN/RAMPASAN

18. Puan Siti Fatimah binti Sheikh Hussein minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada benar bahawa dadah telah diseludupkan secara haram ke negara ini, dan jika ya, nyatakan:

- (a) bilangan orang yang ditangkap berhubung dengan kesalahan menyeludupkan dadah dan berapa banyak dadah yang telah dirampas setakat ini sejak Biro Narkotik Negara ditubuhkan;

- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah penyeludupan dadah ke negara ini dan bagaimanakah kesan-kesannya; dan
- (c) samada penyeludupan dadah ini dijalankan oleh sebuah sindikit atau beberapa buah sindikit, dan apakah hubungannya dengan penangkapan lapan orang rakyat Malaysia berketurunan China di Vienna kerana menyeludup dadah ke Austria sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar baru-baru ini.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):

- (a) Semenjak ditubuhkan Pusat Biro Narkotik dalam bulan Januari 1973 hingga akhir tahun 1974 tangkapan dan rampasan yang telah dilakukan ialah:

| | | |
|---------------------------------|-----|-------------------------------------|
| Tangkapan | ... | 373 orang |
| Rampasan candu | ... | 782 lbs |
| Rampasan morphine | ... | 48 lbs |
| Rampasan Heroin | ... | 63 lbs |
| Rampasan ganja | ... | 342 lbs serta 40,017 pokok ganja |
| Rampasan metha- gualone (MX) | ... | 42,726 biji |

- (b) Ada 3 cawangan penguatkuasa yang bertindak mencegah penyeludupan dadah ke negeri ini. Mereka-mereka ialah Polis, Jabatan Kastam dan Pusat Biro Narkotik. Biro Narkotik telah menambah satu cawangan lagi di Alor Star, Kedah pada bulan Februari 1975 bagi tujuan tindakan terhadap penyeludupan di sempadan utara negeri ini. Tindakan yang telah diambil oleh ketiga-tiga cawangan ini adalah mencukupi dan telah berjaya mengurangkan penyeludupan dan pengedaran dadah.
- (c) Penyeludupan dadah dari kawasan sempadan di utara Semenanjung Malaysia adalah dilakukan oleh kumpulan-kumpulan yang cekap ataupun oleh mereka-mereka yang berseorangan. Ada beberapa kumpulan-kumpulan dan orang-orang perseorangan yang diketahui. Baru-baru ini ada ditubuhkan beberapa kumpulan dan juga orang-orang perseorangan bagi tujuan pengedaran dadah dari Semenanjung Malaysia ke Eropah.

Lapan orang yang telah ditangkap di Vienna baru-baru ini yang sedang menjalani hukuman penjara diantara 18 bulan ke 6 tahun adalah orang-orang suruhan bagi kumpulan tersebut.

IBUSAWAT TALIPON DI MALAYSIA

19. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) nama bandar-bandar di Malaysia di mana terdapat talipon automatik;
- (b) samada bandar-bandar lain di mana tiada talipon automatik akan mendapat kemudahan ini, dan jika ya; bila;
- (c) apakah kriteria dalam memberi keutamaan kepada setengah-setengah bandar mendapat talipon automatik; dan
- (d) bilakah Muar, Daerah yang terbesar di Johor, akan mendapat talipon automatik.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Kesemuanya ada sebanyak 378 ibusawat talipon di Malaysia yang mana hanya 25 (6.4%) sahaja yang bukan automatik. Oleh kerana senarai bagi 353 ibusawat talipon automatik adalah sangat panjang untuk diadakan, maka satu senarai ibusawat bukan automatik adalah diberikan.

Di Semenanjung Malaysia sebanyak 287, adalah ibusawat automatik dan 13 ibusawat yang bukan automatik, ialah:

| | |
|----------------|--------------|
| Bentong | Mersing |
| Bukit Mertajam | Muar |
| Kluang | Parit Buntar |
| Kuala Selangor | Raub |
| Kuala Pilah | Rawang |
| Mentakab | Segamat |
| Kulim | |

Di Sarawak sebanyak 42, adalah ibusawat automatik dan 12 ibusawat yang bukan automatik ialah:

| | |
|-------------|--------------|
| Daro | Rajang |
| Kabong | Sematan |
| Kuala Baram | Sundar |
| Matu | Tebedu |
| Nonok | Tanjung Mani |
| Oya | Santubong |

Di Sabah semua 24 ibusawat talipon adalah automatik.

- (b) Dalam rancangan pembangunan Jabatan Talikom ke semua 25 ibusawat talipon beroperator yang dijangka akan diberi kemudahan automatik adalah seperti berikut:

SEMENANJUNG MALAYSIA

| | |
|-----------------------|------|
| Rawang | 1975 |
| Mentakab | 1976 |
| Muar | |
| Segamat | |
| Bukit Mertajam | 1977 |
| Kluang | |
| Kuala Selangor | |
| Kulim | 1978 |
| Kuala Pilah | |
| Parit Buntar | |
| Raub | 1979 |
| Bentong | |
| Mersing | |

SARAWAK

| | |
|---------------------|------|
| Daro | 1975 |
| Matu | |
| Rajang | 1976 |
| Sundar | |
| Nonok | |
| Oya | |
| Sematan | |
| Tebedu | |
| Kabong | 1977 |
| Kuala Baram | |
| Tanjong Mani | |
| Santubong | |

- (c) Ibusawat-ibusawat beroperator adalah ditukarkan kepada pekerjaan automatik mengikut "engineering technicalities" dan juga mengikut "Telecommunications National Switching Network Development Plan". Pertimbangan yang khas adalah selalu diberi kepada keadaan tempat dan kepentingan bandar-bandar, khususnya yang bersangkutan-paut dengan "aliran trafik talipon" (flow of telephone traffic).
- (d) Seperti yang dinyatakan terlebih dahulu, adalah dijangkakan bahawa ibusawat talipon beroperator Muar akan ditukarkan kepada pekerjaan automatik (menggunakan ibusawat talipon jenis bergerak) "mobile exchange" sebelum penghujung tahun 1976.

Pelan-pelan untuk projek ini sedang dijalankan dan pembinaan sebuah bangunan baru akan diiklankan untuk tender tidak lama lagi. Namun demikian, supaya projek ini dapat dijalankan dengan cepatnya, maka Jabatan Talikom sedang menimbang membeli sebuah ibusawat talipon jenis bergerak untuk Muar, oleh sebab ada kemungkinan bahawa projek pembinaan bangunan akan mengambil masa yang lebih lama dari biasa oleh kerana mungkin ada kesusahan atas pekerjaan "piling" di tapak yang dimana sekarang terletak bangunan-bangunan lama yang berdekatan. Semua daya usaha akan diambil untuk mempercepatkan kerja ini dan pembinaan ibusawat talipon jenis bergerak akan meningkatkan masa selama dua tahun.

BAJA YANG DIIMPOT—HARGA

20. Dr Lim Ah Sitt minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan harga yang tinggi ke atas baja-baja yang diimport dan kepentingan pengeluaran makanan dan lain-lain samada beliau bercadang membina sebuah kilang baja urea di masa akan datang, dan jika ya, bila dan di mana.

Datuk Abdullah Ahmad: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dewan ini dalam mesyuaratnya yang lalu telah meluluskan Akta Kemajuan Petroliaam 1974.

Akta tersebut telah menubuhkan PETRONAS, iaitu Perbadanan Petroliaam Nasional yang bertanggungjawab untuk mencari, memproses dan menapis petroliaam dan mengeluarkan kimia-petrol termasuk baja.

Saya akan bantangan satu pindaan kepada Akta itu dalam mesyuarat ini bagi memberi PETRONAS kuasa yang lebih untuk melaksanakan tugasnya supaya keperluan Negara dapat disempurnakan.

Memanglah menjadi tujuan PETRONAS untuk mengkaji soalan mengeluarkan baja di dalam negara kita sendiri, tetapi sebagai termaklum, pada masa ini PETRONAS baru sahaja ditubuhkan, dan oleh sebab itu perkara-perkara seperti ini masih lagi dalam kajiannya.

HARI JADI PERDANA MENTERI

21. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan adakah apa-apa rancangan untuk merayakan hari lahir Perdana Menteri kita, Tun Haji Abdul Razak sebagaimana kita merayakan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja, Tuan-tuan Yang Terutama Gabenor-gabenor, oleh kerana seorang pemimpin seperti Tun Haji Abdul Razak telah menjadi nyawa dan jiwa kepada negara kita dan patut segala golongan rakyat Malaysia merayakan Hari Jadi beliau sebagai suatu hari yang mustahak dalam hal ehwal negara kita.

Datuk Abdullah Ahmad: Adalah tidak wajar Hari Jadi Perdana Menteri kita dirayakan secara rasmi dan Y.A.B. Tun Perdana Menteri sendiri tidak bersetuju Hari Jadinya dirayakan seperti amalan kita merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Tuan-tuan Yang Terutama Gabenor-gabenor.

PERSIDANGAN AGONG BANGSA-BANGSA BERSATU—PERWAKILAN AHLI-AHLI PARLIMEN

22. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan adakah apa-apa rancangan bagi memasukkan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara dalam Perwakilan atau Kumpulan Malaysia untuk lawatan-lawatan rasmi atau persidangan-persidangan yang dihadiri oleh Perdana Menteri atau lain-lain Menteri ke Negara asing oleh kerana pada masa ini Ahli-ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara tidak diberi peluang untuk berbuat demikian dan Menteri-menteri tersebut selalunya ditemani oleh pegawai-pegawai dari Kementerian mereka masing-masing.

Datuk Abdullah Ahmad: Adalah tidak tepat jika dikatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen tidak diberi peluang menghadiri persidangan-persidangan dan lawatan rasmi antarabangsa. Pada tiap-tiap tahun beberapa orang Ahli-ahli Parlimen adalah dipilih menganggotai perwakilan negara kita ke Persidangan Agong Bangsa-bangsa Bersatu.

Persidangan-persidangan Persatuan-persatuan antara Parlimen seperti—Persidangan CPA, IPU dan Asean Parliamenterians adalah antara contoh-contoh di mana Ahli-ahli Parlimen menghadiri Persidangan Antarabangsa. Kita perlu juga memberi pertimbangan kepada kewangan apabila menghantar satu-satu rombongan ke persidangan atau lawatan antarabangsa. Oleh hal yang demikian, jumlah ahli rombongan adalah dihadkan kepada jumlah yang menasabah dan praktik sebagai satu kumpulan kerja (working group) bagi mencapai tujuan-tujuan dan objektif lawatan atau persidangan.

PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN—KESUSAHAN KAKITANGAN BEKERJA

23. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar akan keadaan yang tidak memuaskan di pejabat-pejabat termasuk di Ibu-ibu Pejabat Kerajaan di beberapa tempat dalam negara ini yang menyebabkan kesusahan kepada kakitangan-kakitangan yang bekerja di situ oleh kerana pejabat-pejabat tersebut tidak mempunyai kelengkapan yang cukup, tanpa hawa dingin atau kipas angin, buruk serta sempit. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memperbaiki keadaan ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Kerajaan sedar terdapat keadaan yang tidak memuaskan di beberapa pejabat termasuk beberapa Ibu-ibu Pejabat Kerajaan yang tidak mempunyai kelengkapan yang cukup untuk keselesaan bekerja di beberapa tempat di negara ini. Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini seperti membina bangunan-bangunan baru untuk Pejabat-pejabat Kerajaan. Apabila keadaan ekonomi negara bertambah baik, pembinaan lebih banyak lagi bangunan-bangunan baru untuk pejabat-pejabat bolehlah dipertimbangkan serta kelengkapan-kelengkapan yang wajar disediakan untuk membaiki serta menambahkan dayausaha kerja kakitangan-kakitangan Kerajaan di tempat-tempat yang berkenaan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.44 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Perkhidmatan, 1975" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini, sebagaimana yang diterangkan dalam Huraian ialah untuk meminda Seksyen 52, Akta Cukai Perkhidmatan, 1975 untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungan dan kewajipan-kewajipan dua orang atau lebih yang dilantik sebagai penerima di bawah Seksyen ini.

Seksyen 52 Akta tersebut menguntukkan jika seseorang penerima dilantik bagi menguruskan harta seseorang kepada siapa satu lesen cukai perkhidmatan dikeluarkan, penerima itu adalah dikehendaki memberi notis kepada Ketua Pengarah Kastam dan Eksais di Raja dalam tempoh 14 hari selepas lantikan itu dibuat. Sebelum melupuskan apa-apa aset harta orang itu penerima adalah dikehendaki mengumpulkan sesuatu jumlah wang dari aset sebagaimana yang diperhatikan oleh Ketua Pengarah mencukupi untuk membayar apa-apa cukai perkhidmatan yang ada atau akan kemudian daripada itu menjadi kena bayar ke atas perkhidmatan dan barang-barang bercukai yang dibekalkan oleh orang itu sebelum perlantikan penerima. Seksyen ini seterusnya menguntukkan jika seseorang yang dilantik sebagai penerima tidak memberi notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang ditetapkan atau tidak mengadakan peruntukan bagi membayar cukai perkhidmatan dia adalah dikehendaki sendiri menanggung apa-apa cukai perkhidmatan yang kena dibayar.

Sekarang ini tidak ada peruntukan yang sama bagi kes yang melibatkan dua orang penerima atau lebih yang dilantik bagi tujuan yang saya sebutkan tadi. Oleh itu adalah dicadangkan supaya peruntukan diadakan dalam undang-undang bahawa jika dua penerima atau lebih dilantik, mereka

adalah bertanggungjawab bagi tanggungan-tanggungan dan kewajipan-kewajipan yang dikenakan kepada seorang yang dilantik sebagai penerima samada secara bersara atau masing-masing. Peruntukan ini adalah selaras dengan Seksyen 51 berkenaan dengan tanggungjawab dan tanggungan-tanggungan dan kewajipan-kewajipan bagi seorang pelikwidasi atau pelikwidasi-pelikwidasi sebuah syarikat yang mana dalam proses penggulungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.47 *ptg.*

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang empat bulan yang lalu Akta Cukai Perkhidmatan, 1975 telah diluluskan oleh Dewan ini. Hari ini kita diberi satu pindaan ke atas Akta itu. Sambil memberi sokongan saya ke atas pindaan itu, saya juga ingin mengambil peluang ini menarik perhatian Dewan ini tentang kesukaran dan kesusahan kepada hotel-hotel kecil, restoran-restoran, kedai-kedai kopi dan lain-lain kerana pelaksanaan Akta Cukai Perkhidmatan pada 1hb Mac, 1975 ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan ini sedar daripada suratkhbar harian bahawa hotel-hotel kecil, restoran-restoran dan kedai-kedai kopi di dalam satu bangunan di beberapa bandar dalam Malaysia sedang menghadapi kesusahan dan kerumitan kerana kehilangan pelanggan-pelanggan dan perniagaan dan tambahnya pula perbelanjaan kerana pelaksanaan Cukai Perkhidmatan 5% itu. Saya sedar setengah-setengah hotel sebenarnya terpaksa ditutup kerana menjauhi Cukai Perkhidmatan 5% yang dikenakan ke atas restoran-restoran, kedai-kedai kopi yang terdiri dalam satu bangunan itu. Saya telah difahamkan juga bahawa sebahagian dari hotel-hotel dan restoran-restoran yang terlibat telah menghantar rayuan atau wakil-wakil ke Kementerian mengenai kesukaran mereka dan merayu pengecualian daripada Cukai Perkhidmatan itu. Ketika Cukai Perkhidmatan dibahaskan di Dewan ini pada bulan Januari 1975 tahun ini, ramai Ahli-ahli Dewan Negara difahamkan bahawa Cukai

Perkhidmatan sebanyak 5% akan dikenakan kepada hotel-hotel besar dan restoran-restoran besar, rumah kopi (coffee house), kelab malam, rumah urut, bar dan pusat-pusat kesihatan dan lain-lain yang kebanyakannya melayani pelancung-pelancung dan orang-orang yang berada.

Jika Cukai Perkhidmatan ini dilaksanakan dengan kerasnya ke atas hotel-hotel tidak kira besar atau kecil termasuk restoran-restoran, kedai-kedai kopi dan gerai-gerai yang ada di dalam sebuah bangunan, ini tentu akan mengakibatkan kesusahan kepada hotel-hotel kecil, restoran-restoran, kedai-kedai kopi dan kita boleh menyangka banyak hotel-hotel kecil akan tutup. Kita hendaklah mengetahui bahawa Cukai Perkhidmatan 5% itu akhirnya akan ditolak kepada pengguna-pengguna dan pelanggan-pelanggan pada hal cukai itu adalah berpatutan kepada pelancung-pelancung dan orang-orang yang berada. Tetapi ini adalah menambahkan bebanan kepada rakyat jelata yang tidak berada yang mengunjungi hotel-hotel kecil, restoran-restoran dan kedai-kedai kopi di dalam bandar-bandar kecil, khasnya pada zaman inflasi ini.

Saya merayu kepada Menteri yang berkenaan menimbang semula dengan teliti melaksanakan cukai tersebut, khususnya kepada hotel-hotel besar, restoran-restoran besar, rumah-rumah kopi (coffee house), kelab malam, rumah urut, pusat-pusat kesihatan dan lain-lain yang terdiri dalam bandaraya di bandar-bandar besar dan pusat-pusat pelancung dan juga mengecualikan hotel-hotel kecil, restoran-restoran dan kedai-kedai kopi dari cukai tersebut.

3.53 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong di atas Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi berhubung dengan Cukai Perkhidmatan yang baru dilancarkan di negara kita ini. Sebenarnya, kita bersama-sama mengetahui bahawa Cukai Perkhidmatan ini telah lama dijalankan di negara-negara lain, cuma barangkali yang berbeza kadar jumlah per cent sahaja yang mungkin berlainan.

Daripada pengalaman saya, setengah-setengah negeri mengenakan cukai perkhidmatan ini hanya 3% sahaja, kerana telah menjadi amalan di seluruh hotel-hotel besar

mengenakan service charge iaitu untuk kaki-tangan mereka sendiri dan bukan untuk Kerajaan sebanyak 10%. Jadi di samping 10% service charge tadi yang akan dibahagi-bahagikan kepada pekerja-pekerja di hotel-hotel mereka itu sendiri maka apabila kena sahaja cukai yang dikehendaki oleh Kerajaan di campur dengan 3% sudah berjumlah 13%. Di negara kita dikenakan 5% jadi bererti kalau ditambah dengan 10% service charge yang saya sebutkan tadi ini sudah menjadi 15%—tentulah terasa berat sedikit.

Berhubung dengan berita-berita dalam akhbar mengatakan ada hotel-hotel ditutup dengan sebab adanya cukai ini, pada pendapat saya ini tidaklah menasabah, kerana dengan sebab cukai ini sehingga hotel terpaksa ditutup. Barangkali setengah-setengah orang kalau datang dari kampung yang biasanya dia bermalam di hotel, sebab adanya tambahan ini, barangkali kurangnya sedikit, mungkin mereka mencari saudaramara untuk bermalam, boleh jadi, tetapi tidaklah boleh sehingga menyebabkan ditutup hotel itu pada pendapat saya. Apa yang saya ingin menyebutkan, kalau boleh, pihak Kerajaan menimbangkan supaya cukai ini dikurangkan sedikit daripada 5% dijadikan 3% sahaja.

Ada dua perkara yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mendapat penjelasan iaitu selain daripada minuman dan khidmat-khidmat yang lain, adakah panggilan-panggilan talipon. Misalnya, kita buat trunk calls juga dikenakan cukai. Maksud saya kalau kita dari Kuala Lumpur membuat panggilan talipon luar daripada Kuala Lumpur, samada ke Pahang, Trengganu atau mana-mana tempat kenalah, katakan \$2.40 maka adakah mengikut Undang-undang ini terpaksa dikenakan lagi 5% dari jumlah yang dikenakan di atas panggilan luar tadi?

Yang kedua, berhubung dengan surat khabar. Ada setengah-setengah hotel tidak memberi dengan percuma surat-surat akhbar kepada penghuni-penghuninya. Jadi penginap-penginap biasanya menempah supaya tiap-tiap pagi disuruh menghantar akhbar ke bilik. Maka ini juga adakah mesti dikenakan 5% service charge tadi atau pun tidak.

3.57 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan ini.

Pada masa dahulu saya juga menyatakan Kerajaan mestilah berhati-hati di atas Cukai Perkhidmatan ini, oleh kerana hotel-hotel yang kecil-kecil dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh dan sebagainya mempunyai 5—10 bilik sahaja. Sewa biliknya \$4—\$6 untuk satu malam. Ini adalah untuk orang yang miskin dan penoreh getah yang datang dari kampung-kampung atau new villages. Kepada mereka yang menoreh getah yang datangnya dari new villages ini \$1 besar kepadanya sebab pendapatan orang-orang ini sungguhpun katakan dahulu getah mahal, tetapi pada hari ini oleh kerana Amerika akan keluarkan stockpile, maka akan lebih turun lagi harga getah. Jikalau kita tidak membuat perundingan dengan Amerika akan lebih merosot lagi. Jadi hotel-hotel yang kecil-kecil ini rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak patut sangat dikenakan Cukai Perkhidmatan 5% tidak kira siapa yang punya hotel-hotel itu. Oleh kerana apabila dikenakan cukai ini, orang ramai yang kena; orang miskin yang kena. Tetapi patut dikenakan kepada luxury hotels, 1st-2nd class hotels, oleh kerana orang-orang yang menginap ialah orang 1st class, orang-orang yang kaya, orang-orang yang datang hendak membuang wang dan juga di rumah-rumah urut. Orang-orang yang hendak pergi berurut ini, oleh kerana perempuan-perempuan tukang urut itu cantik-cantik, Tuan Yang di-Pertua, mereka suka urut. Bukan kerana berurut begitu sahaja, ada fasal yang lain (*Ketawa*). Saya tidak pernah pergi berurut, tetapi orang bercerita kepada saya. Orang yang ada lebih wang itu tidak kiralah, mereka ada lebih wang barangkali \$1—\$2 ditambah tidak susah pada mereka. Tetapi kepada yang kecil-kecil yang ada di dalam hotel iaitu yang menjual sedikit-sedikit dan kalau kita tengok di Hotel Merlin pada hari ini orang-orang yang menjual di hotel-hotel ini, saya fikir rugi, kerana sewanya mahal dan dikenakan pula service tax. Ini menyebabkan orang semakin tidak hendak membeli kerana barang-barang yang dijual di situ lebih mahal dan tourist pun tidak akan membeli di situ. Jadi dengan sebab itu Kementerian yang bertanggungjawab mesti mengkaji dengan mendalam kemudian baru dibawa ke Dewan ini supaya

jangan besok ada pindaan lagi, pindaan dan seterusnya pindaan. Saya masih ingat lagi di Dewan Rakyat dahulu dipinda berkenaan dengan itu juga ditambah tax untuk barang makan. Jadi kalau begitu seperti bola dibaling ke dinding dia memantul balik. Jadi hendak dipinda lagi dan dipinda.

Dengan sebab itu saya, menyokong Rang Undang-undang Pindaan ini, tetapi dengan syarat dan kajian iaitu hotel-hotel yang begini juga rest house-rest house yang kecil-kecil yang ada di seluruh Malaysia ini adalah untuk pegawai-pegawai Kerajaan ataupun businessmen yang kecil-kecil ini pergi ke sana untuk menginap dan bermalam atau tidur malam, maka orang-orang ini saya rasa tidak patut dikenakan tax. Jadi saya menyokong pada tempatnya yang patut disokong, tetapi yang tidak patut disokong saya tidak menyokong, tetapi oleh kerana hotel-hotel dan rumah-rumah urut patut dikenakan bagi orang-orang kaya patut sangatlah dikenakan.

4.02 ptg.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyokong Rang Undang-undang ini tetapi saya menyokong juga apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt dan Yang Berhormat Raja Nong Chik sebentar tadi. Seperti saya telah berucap pada 7hb Januari pada masa Akta ini dibahas dan diluluskan, kesulitan-kesulitan yang dialami oleh hotel-hotel kecil ini sungguh benar. Di sini saya juga menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya dapat mengecualikan hotel-hotel kecil khasnya yang di bandar-bandar kecil itu, daripada pembayaran cukai ini di mana Menteri telah diberi kuasa di bawah Fasal 6A di dalam Akta itu.

4.03 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kepada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Saya memberi satu pandangan dalam masaalah undang-undang tambahan yang dikehendaki ini. Pertama sekali, saya berasa bahawa Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan akan menjadi faedah kepada negara sebab hasil darinya dapat kutipan untuk menambahkan khazanah negara. Masaalah kesulitan-kesulitan

yang dihadapi oleh setengah-setengah pekedai-pekedai dan hotel-hotel ini adalah perkara baru, mungkin kalau undang-undang ini dilaksanakan dengan lama saya percaya bahawa sistem ini akan tenggelam sebab manusia-manusia yang hendak pergi ke tempat ini semuanya manusia yang berupaya dan berduit jadi tidaklah menjadi rugi kepada mereka ini membayar kepada Kerajaan sebanyak 5% ini.

Yang kedua, dengan diadakan kuatkuasa undang-undang ini boleh menolong mengawal atau mendapatkan kerjasama daripada badan-badan keselamatan negeri umpamanya Polis, Kastam dan lain-lain. Ini faedah yang besar dengan kutipan kita yang sedikit ini.

Yang ketiga, yang saya hendak protes saya minta supaya Yang Berhormat Menteri ini ingat sedikit bahawa hendaklah dijaga kerana ada setengah-setengah tuanpunya-tuanpunya hotel dan orang-orang yang berkenaan ini menyalah-gunakan undang-undang cukai ini dan mengelirukan rakyat dengan mereka menonjol-nonjolkan bahawa ini adalah kehendak Kerajaan. Masalah-masalah yang seumpama ini patut diperhatikan supaya undang-undang ini tidak dianggap oleh semua rakyat menjadi satu kesalahan dan menjadi satu beban kepada mereka dengan sebab perbuatan-perbuatan salah guna oleh tuanpunya-tuanpunya hotel dan restaurant bagaimana yang disebutkan.

4.05 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan ini akan tetapi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberi satu clarification sebelum kita melaksanakan atau menguatkuasakan undang-undang Pelepasan Cukai Perkhidmatan bahawa memang hotel-hotel besar di dalam negeri ini tidak mengadakan service charge. Saya meminta clarification ini dengan menambahkan 5% service tax ini adakah hotel-hotel yang telah mengadakan service charge itu menimbangkan untuk menambah apa yang telah diadakan dahulu dan ditambah dengan 5% service tax ini oleh Yang Berhormat Menteri. Itulah sahaja dan terima kasih.

4.06 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan

ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Senator yang telah memberi pandangan dan teguran ke atas pelaksanaan Akta tersebut. Oleh kerana ini satu cukai yang baru, Cukai Perkhidmatan ini membawa akibat yang barangkali tidak diingini oleh Kementerian saya dan pihak Kastam yang menjalankan tugas-tugas supaya menguatkuasakan Akta ini.

Saya sendiri memang sedar bahawa ada masalah-masalah yang timbul oleh kerana hotel-hotel yang kecil dan juga kedai-kedai kopi yang ada di dalam bangunan yang sama dengan hotel itu adalah menghadapi kesulitan oleh kerana kedai-kedai kopi ini dikenakan Cukai Perkhidmatan juga. Kementerian saya sedang mengambil keputusan bahawa kedai-kedai kopi kecil dan gerai-gerai yang barangkali terletak di dalam bangunan hotel yang kecil itu boleh dikecualikan daripada pembayaran Cukai Perkhidmatan.

Tujuan Kementerian saya dan saya sendiri bukanlah untuk menambah beban ke atas golongan yang berpendapatan rendah. Tujuannya ialah supaya pelancung-pelancung yang datang bukan sahaja dari luar negeri tetapi pelancung-pelancung yang dahulu tinggal di dalam hotel-hotel yang besar bolehlah memberi sedikit-sebanyak sumbangan kepada Kerajaan dengan membayar Cukai Perkhidmatan supaya wang ini boleh digunakan untuk memberi galakan lagi kepada perusahaan pelancungan. Saya pun sedar dan mendapat beberapa rayuan dan juga berjumpa dengan beberapa orang wakil daripada hotel-hotel kecil supaya hotel-hotel ini yang barangkali mengandungi 5 buah ataupun 10 buah bilik sahaja dikecualikan. Kementerian Kewangan sedang mengkaji perkara ini dengan simpatinya.

Satu masalah ialah oleh kerana lesen-lesen untuk mengadakan hotel-hotel ini dikeluarkan oleh kuasa-kuasa tempatan maka tidak ada selarasnya barangkali jikalau di dalam bandar Kuala Lumpur sebuah hotel yang dikatakan Kelas III boleh menjadi Kelas II dalam bandar yang kecil—berpuas hati juga dan hotel-hotel yang dikatakan Kelas II dalam bandar kecil masuk dalam bandar ini boleh dikatakan Kelas III sahaja. Saya akan mengkaji perkara ini dengan simpatinya supaya hotel-hotel yang kecil ini

tidak dikenakan bayaran Cukai Perkhidmatan ini. Tetapi oleh kerana ada juga satu kes demi satu kes yang berlainan sedikit, jadi kita terpaksa mengkaji satu kes demi satu kes atas meritnya.

Berkaitan dengan dua soalan samada patut kita kurangkan cukai perkhidmatan dari 5% hingga 3% itu saya akan kaji oleh kerana sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta ini baharu sahaja dikuatkuasakan mulai 1hb Mac, 1975 dan masalah-masalah mengenai kesulitan ini akan saya kaji kelak.

Samada Cukai Perkhidmatan ini perlu dikenakan ke atas panggilan talipon ataupun apabila seorang meminta surat khabar, pada fikiran saya tidaklah dikenakan oleh kerana pembayaran untuk menggunakan talipon pun adalah satu pembayaran yang lain, dan ada juga satu soalan berkaitan dengan service charge yang dikutip oleh hotel-hotel persendirian untuk pekerja-pekerja samada ini dimasuk-kira apabila mengadakan cukai perkhidmatan, saya juga hendak mengkajinya oleh kerana jika service charge yang dikutip oleh hotel itu dipulangkan kepada pekerja sebagai tipsnya, saya akan mengkaji samada perkara itu membangkitkan satu masalah yang rumit atau tidak.

Datuk Mansor bin Mohamad: Untuk penjelasan. Adakah, maksud saya yang bayaran tambahan itu tidak dikenakan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Memang ada juga bila seseorang duduk di hotel bila dia menggunakan talipon hotel yang biasanya pun mengenakan bayaran samada pembayaran itu diadakan service charge sendiri, itu terpulang kepada hotel masing-masing. Ada juga misalnya satu panggilan tempatan bayarannya 10 sen sahaja barangkali dia kenakan charge 20 sen. Itu terpulanglah kepada hotel-hotel yang berkenaan.

Datuk Mansor bin Mohamad: Maksud saya cukai Kerajaan 5% itu tadi dikenakan atau tidak?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Perkara itu saya hendak kaji dahulu. Pada fikiran saya tidaklah patut jika kita kenakan cukai perkhidmatan atas panggilan talipon.

Saya ingat tidak ada lagi teguran-teguran lain yang patut saya memberi jawapan setakat ini dan saya ulangi sekali lagi dengan menyatakan bahawa saya sedang mengkaji dengan telitinya semua rayuan-rayuan yang telah dibangkitkan oleh hotel-hotel kecil dan bukan sahaja hotel-hotel kecil malahan ada juga badan-badan sukarela yang mengadakan asrama untuk penuntut-penuntut atau pekerja-pekerja, mereka pun ada membangkitkan masalah berkaitan dengan cukai perkhidmatan samada asrama yang ditubuhkan oleh badan-badan sukarela patut dikecualikan atau tidak, rayuan-rayuan tersebut akan saya kaji kelak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSURAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.15 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang bertajuk "Suatu Akta bagi meminda Akta Insuran, 1963" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah perlu untuk menyediakan perundangan yang lebih progresif bagi mengawasi dengan lebih luas perusahaan insuran di Malaysia. Keperluan untuk menjaga kepentingan mereka yang diinsurankan dan untuk meninggikan perkembangan perusahaan insuran yang lebih kukuh lagi adalah merupakan gambaran yang di dalam Rang Undang-undang ini, sebagai satu perusahaan yang memainkan

peranan yang mustahak di bidang ekonomi dan sosial seterusnya untuk seluruh masyarakat.

Peruntukan dan pindaan yang baru di dalam Rang Undang-undang ini sepatutnya membolehkan bagi syarikat-syarikat tempatan memperoleh bahagian yang lebih besar di dalam perkembangan perniagaan insuran yang pesat dan untuk menyediakan pengawasan berkesan yang bertujuan untuk mengurangkan jika tidak menghapuskan sama-sekali kesalahan dan kecuaiian pihak penginsuran. Beberapa persatuan insuran telah memberikan komen-komen mereka tentang Rang Undang-undang ini dan mereka telahpun menerima sebagai sesuatu yang sesuai dan kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir besar Rang Undang-undang tersebut ialah:

(a) Fasal 3 menghendaki semua penginsuran Malaysia menjaga paras minima modal yang telah dibayar sebanyak \$1 juta bagi tiap-tiap kelas perniagaan insuran, iaitu insuran nyawa dan am, dan \$1.5 juta untuk kedua-dua kelas, di mana meletakkan syarikat-syarikat luar negeri di atas dasar yang sama dengan syarikat-syarikat tempatan.

Peruntukan ini akan memenuhi darjah minima "solvency" syarikat-syarikat insuran dan menggalakkan juga penubuhan cawangan-cawangan tempatan bagi syarikat-syarikat insuran luar negeri.

(b) Fasal 7 akan membolehkan Ketua Pengarah Insuran menambah, mengubah atau membatalkan syarat-syarat pendaftaran penginsuran. Oleh itu ini akan menghasilkan "flexibility" yang lebih, terutama sekali apabila syarat-syarat ini berhubung dengan penyertaan ekuiti rakyat Malaysia dan juga pengimbangan pekerja-pekerja rakyat Malaysia di dalam perusahaan insuran dengan mementingkan Dasar Ekonomi Baru. Ketua Pengarah akan juga diberi kuasa untuk menghalang perniagaan insuran yang difikirkan tidak mempunyai kepentingan negara.

(c) Sementara tidak ada kuasa bagi Ketua Pengarah untuk membatalkan pendaftaran kecuali dengan permintaan

penginsuran itu sendiri atas alasan-alasan bahawa mereka telah berhenti dari menjalankan perniagaan, Fasal 8 akan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membatalkan pendaftaran insuran di bawah keadaan-keadaan yang telah dinyatakan dengan jelas di dalam Rang Undang-undang ini.

(d) Fasal 11 menambahkan kehendak undang-undang bagi Aset Malaysia yang dibenarkan kepada penginsuran dari 75% kepada 80%, dan fasal ini juga memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menghendaki penginsuran tidak boleh membuat pelaburan terhadap kelas atau jenis tertentu untuk menentukan kemampuan dan keteguhan pelaburan.

(e) Tidak ada penyeliaan undang-undang boleh menjamin akan tidak berlakunya ketegesaan dan ketidak cekapan pengurusan di mana akan menimbulkan "insolvencies", oleh yang demikian perlu untuk menubuhkan Skim Kumpulan Wang Jaminan Insuran di bawah Fasal 13 untuk melindungi pemegang-pemegang polisi insuran yang telah gagal. Kumpulan wang ini akan dibiayai dengan cara mengenakan levi tahunan ke atas semua syarikat insuran yang dibenarkan sebanyak jumlah tidak melebihi satu peratus daripada pendapatan premium tahun sebelumnya. Selepas sahaja skim ini cukup pembiayaannya, levi itu akan dikurangkan atau dihentikan buat sementara waktu. Dengan menambahkan lagi kepercayaan kepada pemegang-pemegang polisi insuran, skim ini akan juga menambahkan lagi perniagaan syarikat-syarikat insuran. Penginsuran-penginsuran itu sendiri sewajarnya tidak lepas dari tanggungjawab bagi menyenggara persembungan "solvency" syarikat-syarikat mereka melalui pengurusan perniagaan yang hemat dan baik. Bila hal ini dapat terjamin, maka barulah pertimbangan akan diberikan bagi samada untuk mengurangkan atau menghapuskan terus levi tersebut. Kadar levi itu sangatlah kecil sekali, oleh itu adalah menasabah bagi syarikat-syarikat insuran untuk menyerapkan kos yang terlibat.

- (f) Perkhidmatan insuran dari rumah ke rumah, yang mana premium-premiumnya dipungut daripada pemegang-pemegang polisi oleh ejen-ejen yang membuat pungutan wang dari pintu ke pintu seringkali buat masa-masa tertentu, dirasakan patut juga dikawal selanjutnya. Perlunya penyeliaan yang rapi adalah pasti oleh kerana polisi jenis ini bertujuan hendak membekalkan perkhidmatan insuran nyawa bagi mereka dalam golongan berpendapatan rendah, jumlah purata wang yang diinsurankan ialah kira-kira \$1,000 dan dengan sebab itu perlulah dikenakan kawalan yang lebih luas sebagaimana diperkatakan dengan teliti dalam fasal 19 untuk mengelakkan sebarang pengkhianatan bagi pihak penginsuran-penginsuran.
- (g) Fasal 20 menghendaki ejen-ejen Lloyd supaya memiliki lebih aset-aset terhadap tanggungan berjumlah tidak kurang dari \$100,000 untuk menentukan bahawa mereka adalah benar-benar stabil. Seseorang broker insuran yang menjalankan perniagaan dengan Lloyd's juga dikehendaki menyediakan sijil 'solvency' dan mengadakan perlindungan gantirugi ikhtisas sebanyak tidak kurang dari \$500,000.
- (h) Fasal 21 menghendaki broker-broker dan penyelaras (adjuster) yang lain supaya memperoleh lesen yang boleh diperbaharui pada tiap-tiap tahun. Penyelaras-penyelaras akan dikehendaki supaya menjalankan pekerjaan mereka dengan amanah dan adil saksama.
- (i) Fasal 23 akan mencegah tuanpunya harta dari menginsurankan hartabenda mereka di seberang laut dan sebaliknya memperuntukkan insuran bagi harta benda, kapal-kapal dan kapalterbang yang terdapat di Malaysia, supaya diurusniagakan oleh penginsuran berdaftar yang menjalankan perniagaan insuran dalam negeri ini. Akan tetapi, Fasal 23 juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah supaya mengecualikan sesiapa pun dari mematuhi peruntukan ini oleh kerana setengah-setengah risiko khas dan luarbiasa tidak dapat diinsurankan di Malaysia. Perubahan dalam aspek ini dari segi undang-

undang akan menghasilkan perniagaan insuran yang lebih banyak lagi bagi penginsuran-penginsuran Malaysia.

- (j) Saluran-saluran pelaburan yang sedia terkandung dalam Jadual Kedua kepada Akta tidak memadai dan akan diperluaskan supaya membolehkan penginsuran menyimpan kumpulan-wang dalam syarikat-syarikat yang dibenarkan di bawah Akta Syarikat Meminjam, 1969, atau dalam lain-lain institusi kewangan sebagaimana yang mungkin dibenarkan. Syarikat-syarikat insuran juga akan dibenarkan meminjamkan wang dengan secara langsung kepada perbadanan-perbadanan tertentu yang menjadi hakmilik Kerajaan supaya dapat melibatkan perusahaan insuran dengan pesatnya ke arah tindakan pencapaian matlamat dalam Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, peruntukan dan pindaan-pindaan yang dikira praktik ini yang mana diadakan untuk kawalan lebih ketat, di mana perlu, dan juga untuk membimbing perusahaan insuran ke dalam bidang kawasan yang masih belum dimasuki, janganlah hendaknya disalah taksirkan sebagai langkah-langkah yang melampaui batas untuk menghindar perjalanan perniagaan biasa. Sungguhpun Rang Undang-undang ini menetapkan standard baru bagi kestabilan kawangan dalam syarikat-syarikat insuran dan mengenakan syarat serta tanggungjawab baru ke atas mereka, ukuran-ukuran baru ini bukannya tidak menasabah dan syarat-syarat yang dikenakan akan menguatkan kepercayaan orang ramai terhadap industri insuran dan membantu industri ini mencipta imej yang lebih elok. Peruntukan-peruntukan juga bertujuan untuk memastikan penginsuran supaya menggabungkan diri mereka dengan matlamat dan kepentingan negara. Langkah-langkah yang memperbaiki Akta ini akan memberikan keseimbangan di antara kawalan dan kebebasan dan sepatutnya memudahkan perkembangan industri insuran yang sempurna, progresif dan sihat, sesuai dengan pertumbuhan ekonomi negara Malaysia yang bertambah matang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.28 ptg

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas Rang Undang-undang ini. Saya menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana pada pandangan saya perkara ini sepatutnya sudah lama Kerajaan sedar, bahawa insuran-insuran daripada bangsa-bangsa asing datang ke negeri kita dengan membuka perniagaan insurannya dengan sewenang-wenangnya, dengan tidak ada sekatan yang betul-betul dijalankan oleh Kerajaan. Oleh kerana negeri kita ini telah melangkah dari satu langkah ke satu langkah ke dalam bidang perindustrian, maka bangsa-bangsa asing yang datang ke negeri kita ini bukan sahaja untuk melaburkan wangnya untuk berniaga membuat kilang-kilang, tetapi juga untuk mencari wang dan menghantar balik wang yang didapatinya ke negeri mereka. Perkara ini boleh dibuat oleh anak negeri ini, (orang Malaysia boleh buat) dan apakah sebabnya Kerajaan daripada masa dahulu, selepas merdeka tak sedar di atas perkara ini. Alhamdulillah, baru ini Kerajaan telah sedar dan membuat satu Rang Undang-undang baru di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau misalnya orang Amerika buat faktori di sini, penuhlah insuran-insuran Amerika datang ke mari, termasuklah insuran-insuran Peranchis, Jepun dan segala-galanya. Jadi insuran-insuran bagi faktori ini dapatlah kepada mereka, keuntungan pun kepada mereka juga dan segala-galanya kepada mereka. Insuran-insuran ini 100 peratus dipunyai oleh orang-orang asing. Jadi, Kerajaan hendak menggalakkan bumiputra dalam dunia perniagaan dan perusahaan termasuklah insuran. Bukan sahaja itu, kita juga hendak menggalakkan orang-orang Malaysia yang lain. Jikalau capital-capital ataupun duit-duit yang datang dari luar negeri ini lebih banyak masuk ke mari untuk insuran ini supaya dia dapat lebih banyak untung bawa ke negeri mereka pula, maka bagaimanakah insuran-insuran kecil yang kita tubuhkan dalam negeri kita ini? Jadi tentulah insuran-insuran kita yang dijalankan oleh warganegara negeri ini terbatas sangat. Saya harap apabila Undang-undang ini berjalan sekurang-kurangnya diminta kepada Kerajaan, sebagaimana dasar Kerajaan pada hari ini menggalakkan bumiputra dalam dunia perniagaan dan perusahaan, sekurang-kurangnya 30 peratus (selebih-

lebihnya 100 peratus) daripada saham orang-orang ini mestilah diberi kepada bumiputra. Oleh kerana saya fikirkan bumiputra juga berkehendakkan kemajuan bukan sahaja di dalam perniagaan runcit, kereta-kereta sorong di tepi-tepi jalan, bukan sahaja hendak menjual kacang putih dan ice-cream, tetapi juga berniaga secara modal seperti insuran.

Pada masa dahulu orang Melayu, terutama bumiputra baikpun di Malaysia Timur dan di Malaysia Barat sangat tertinggal. Misalnya, di Sarawak orang Dayak Laut, Dayak Darat, di Semenanjung Malaysia orang Melayu. Di Sabah pula orang-orang kita yang berkuda dan sebagainya tidak tahu apa dia insuran ini. Maka dengan sebab itu pada masa akan datang modal insuran-insuran ini mestilah diberi kepada bumiputra sekurang-kurangnya 30 peratus.

Selain daripada itu, hendaklah diteliti dan ditengokkan juga supaya insuran-insuran asing ini jangan semuanya mereka hendak ambil, dibataskan mereka di mana mereka boleh ambil dan di mana mereka tidak boleh ambil, kalau tidak buat begitu segala-segalanya seperti insuran kereta pun mereka hendak ambil. Jadi jikalau ada perniagaan orang-orang Malaysia dalam insuran ini kemana mereka hendak pergi? Jadi mestilah dibataskan mereka dalam perniagaan insuran ini.

Dalam perniagaan insuran ini memang keuntungannya banyak sangat, modalnya tidak banyak sangat, oleh kerana orang-orang banyak modal dipermodalkan balik. Jadi tentulah modal-modal ini tidak memakan banyak sangat, tetapi orang-orang asing ini datang ke mari mendapat keuntungan yang besar dan bawa balik ke negeri mereka. Dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya harap pada hari yang akan datang insuran-insuran bangsa asing ini seboleholehnya disekat, kerana sudah banyak sangat dalam negeri kita ini. Jangan diberi satupun masuk lagi. Kalau tidak ada syarikat insuran bangsa asing di negeri ini, negeri kita progress juga, sebab ada setengah-setengah orang mengatakan jikalau kita tidak beri mereka masuk, negeri kita tidak boleh maju. Ada pula orang-orang yang mengatakan begini. Tetapi saya fikir dengan adanya insuran yang ada pada hari ini sudah cukuplah sebab di mana-mana sahaja, di Kuala Lumpur ini kita boleh nampak baik British Insurance Company, Australian, Jepun, Peranchis dan segala-galanya ada di sini, dan

saya sebagai seorang bumiputra dan orang Malaysia, saya hendak mengecap kenikmatan kemerdekaan di tanahair ini yang telah kita capai selama dua puluh tahun ini.

4.36 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil sedikit bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang yang dikemukakan sebentar tadi dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana membawa Rang Undang-undang ini. Saya sangat-sangat bersetuju bila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ini adalah satu Rang Undang-undang yang progressive bagi dunia insuran di tanahair kita.

Saya memandangkan kepada kutipan-kutipan premium yang telah dilakukan di negara kita ini pada tahun-tahun yang lampau.

Mengikut Lapuran Tahunan Ke 12, iaitu lapuran tahunan yang terakhir sekali oleh Ketua Pengarah Insuran, yang mana telah dibentangkan di Dewan ini, saya dapati kutipan premium dari setahun ke setahun sudah bertambah. Lapuran ini juga menyatakan berapakah premium yang dikutip oleh syarikat-syarikat tempatan dan berapakah pula premium yang dikutip oleh syarikat-syarikat asing. Kalau kita ambil contohnya sahaja—dalam lapuran ini tidak ada terjemahan dalam bahasa Melayu—dalam bahasa Inggeris menyatakan: “gross premium income” tetapi dalam bahasa Melayu nampaknya dia tidak membuat terjemahan

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ada terjemahan dalam Bahasa Malaysia dalam Lapuran itu.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Benar ada terjemahan dalam Bahasa Malaysia, tetapi paragraph yang saya maksudkan itu tidak ada terjemahan dalam Bahasa Malaysia. Itu yang saya maksudkan. Kalau kita pandang kepada paragraph 75 dalam Lapuran ini barangkali terjemahan dalam Bahasa Malaysia itu tidak begitu penuh. Itu yang saya maksudkan. Saya cuba cari apakah terjemahan “gross premium income” tetapi di dalam Lapuran ini tidak ada. Itu yang saya maksudkan.

Kalau pada tahun 1965 syarikat-syarikat dalam negeri telah mendapat premium sebanyak \$7.4 juta berbanding dengan syarikat asing atau syarikat luar negeri sebanyak \$63.7 juta. Tahun 1973 (tahun terakhir sekali dalam lapuran ini) syarikat dalam negeri mengutip premium sebanyak \$49.1 juta berbanding dengan syarikat luar negeri sebanyak \$130.3 juta. Kalau ambil nettnya pula, tahun 1973 syarikat tempatan (syarikat dalam negeri) sebanyak \$41.1 juta dan syarikat luar negeri \$109.1 juta.

Jadi kalau kita pandang kepada kutipan premium sudah tentu banyak sangat dikutip oleh syarikat-syarikat luar negeri. Dan saya berterima kasih dan memberi tahniah kepada Kerajaan kerana membawa pindaan kepada undang-undang Akta Insuran, 1963 ini, kerana saya dapati bahawa dalam Fasal 7 dan Fasal 23 itu semuanya boleh menguntungkan syarikat-syarikat tempatan.

Fasal 7 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah menetapkan syarat-syarat pendaftaran, iaitu Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa menambah, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang ada yang dikenakan atas pendaftaran syarikat insuran di negara ini. Dan di sini saya berharap bahawa Ketua Pengarah akan memberanikan diri supaya menentukan yang syarikat tempatan boleh memainkan peranan yang lebih giat bila dibandingkan dengan syarikat asing. Pada saya, kita tidak ada salahnya kalau kita membezakan syarikat tempatan dengan syarikat asing, tidak ada salah langsung kalau kita bezakan warganegara dan bukan warganegara. Di sisi Perlembagaan negara ianya tidak menjadi kesalahan pada pendapat saya. Dan di sini juga saya harap Ketua Pengarah akan beranikan diri supaya menentukan yang syarikat tempatan akan mendapat faedah yang lebih kalau dibandingkan dengan syarikat asing.

Fasal 23 ialah satu fasal baharu dengan menambah satu Seksyen baharu kepada Akta Insuran, 1963 iaitu mewajibkan kepada kapal-kapal atau kapal terbang dan juga termasuk harta, tanah yang ada di negara kita ini mestilah diambil insuran dengan syarikat tempatan. Ini satu perkara yang sangat-sangat saya banggakan, sangat-sangat menguntungkan syarikat-syarikat tempatan. Saya sekali lagi memberi tahniah kepada Kerajaan kerana berani membawa pindaan seperti yang ada ini. Saya harap apabila fasal ini

telah menjadi sebahagian daripada Undang-undang, maka angka yang akan diberi oleh Ketua Pengarah Insuran pada laporannya yang berakhir 1975 atau 1976 akan bertukar, maknanya premium yang sekian lama itu banyak dikutip oleh syarikat-syarikat luar negeri akan pada masa itu bertukar, dan marilah sama-sama kita berdoa supaya syarikat-syarikat tempatan akan maju dan berjaya dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan di bawah Fasal 3. Saya kurang pasti sedikit dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan di bawah Fasal 3 atas pindaan ini yang bertujuan "bagi menghendaki sesuatu syarikat atau sesuatu pertubuhan yang didaftarkan untuk menjalankan perniagaan insuran dalam Malaysia menyenggara suatu surplus aset melebihi tanggungan sebanyak-banyak tidak kurang daripada satu juta ringgit atau satu amaun yang lebih besar sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri." Di sini kalau tidak salah saya yang dikenakan di bawah Fasal 3 (a) (ii).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempatkan selama 15 minit.

Persidangan ditempatkan pada pukul 4.45 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.10 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita berehat sebentar tadi saya telah meminta sedikit penjelasan kepada Fasal 3 kepada Rang Undang-undang ini yang mana Fasal 3 ini ada kaitannya juga dengan Fasal 5 di bawah Rang Undang-undang tersebut.

Fasal 3 sekarang ini hendak menentukan supaya tiap-tiap syarikat insuran mengadakan surplus of assets over liabilities dan di sini telah ditetapkan jikalau sesuatu syarikat insuran itu menjalankan satu jenis sahaja bagi syarikat tempatan mestilah sekurang-kurangnya \$1 juta atau jikalau menjalankan 2 jenis termasuk perkhidmatan nyawa \$1.5

juta. Tetapi yang saya tidak begitu faham ialah bagaimana pula kedudukan ataupun tafsiran yang dibuat terhadap company luar negeri. Di sini kalau kita baca Fasal 5 sebenarnya ialah bagi company luar negeri cuma dikatakan:

“. . . . and in the case of a company incorporated outside Malaysia, it has in Malaysia a surplus of assets in Malaysia. . . .”

Angka itu tidak ditetapkan. Jadi berapakah pula angka yang patut dikenakan kepada syarikat luar negeri tadi? Kalau syarikat di dalam negeri sudah ditentukan iaitu \$1 juta atau \$1.5 juta mengikut jenis insuran yang dijalankan tetapi kalau syarikat itu syarikat luar negeri tidak ditetapkan angkanya boleh jadi mencukupi dengan sedikit sahaja asalkan dia mempunyai assets yang berlebihan daripada liabilitiesnya. Saya minta penjelasan sedikit apakah atau berapakah angka yang hendak dikenakan bagi syarikat luar negeri ini di bawah Fasal 3 dan juga Fasal 5 Rang Undang-undang ini?

Satu lagi penjelasan yang saya minta ialah terhadap Fasal 15 Rang Undang-undang ini iaitu berkenaan dengan satu seksyen baru iaitu Seksyen 13A berkenaan dengan Reinsurance. Kalau saya baca daripada Huraianya mengatakan:

“Fasal 15 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penginsuranan semula tanggungan mengenai risiko-risiko yang diinsurankan atau yang akan diinsurankan oleh penginsuranan Malaysia.”

Jadi di bawah Seksyen 13A ini nampaknya Syarikat Insurance di Malaysia terpaksa mengambil insuran dengan Syarikat Reinsurance Semula di Malaysia. Setahu saya tidak banyak Syarikat Insuran Semula di negara kita ini. Hanya saya tahu Malaysian National Reinsurance Berhad (MNRIB) yang mana kalau tidak salah saya banyak juga syarikat-syarikat insuran yang menjadi ahli saham. Di sini soalan saya ialah sekiranya Syarikat Insuran Semula ini menolak insuran itu bagaimanakah kedudukannya kerana di bawah Seksyen 13A (2) dan Seksyen 13A (3) ini mana-mana orang ataupun syarikat yang tidak mematuhi kepada seksyen ini boleh didenda dan dihukum. Jadi saya takut kalau Syarikat Insuran Semula ini menolak bagaimanakah kedudukan syarikat insuran yang ada di negara kita ini?

Itulah sedikit penjelasan yang saya minta daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan saya, sebagai saya katakan pada awal tadi, dengan perasaan yang sangat sukacita menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

5.15 *ptg.*

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Senator Raja Nong Chik bin Raja Ishak dan juga Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin yang telah menyokong pindaan-pindaan kepada Akta Insuran ini dan saya menghargai pandangan-pandangan mereka oleh kerana pandangan itu saya akan mengambil perhatian.

Ada dua tiga perkara sahaja yang patut saya memberi jawapan. Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik membangkitkan perkara berkaitan dengan mengalakkan kelebihan pegawai-pegawai tempatan khususnya individu-individu bumiputra menceburkan diri dalam bidang insuran. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa dengan kerjasama pihak I.T.M., I.T.M. juga sedang mengadakan kursus insuran untuk executives bumiputra di I.T.M. dan Insurance Institute akan mengadakan kursus ini supaya orang-orang tempatan khususnya bumiputra bolehlah dapat pengalaman dan latihan dalam bidang insuran ini yang sophisticated dan pihak I.T.M. dan Insurance Institute selalu ada berunding rapat dengan Ketua Pengarah Insuran supaya kita mengadakan kursus yang sesuai.

Berkaitan dengan syarikat-syarikat luar negeri dibandingkan dengan syarikat-syarikat tempatan, saya juga hendak memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa semenjak tahun 1964 pihak Perbendaharaan tidak lagi mendaftarkan syarikat-syarikat luar negeri sebagai syarikat insuran yang tinggal sekarang ini hanya syarikat-syarikat lama sahaja. Dan jika sekiranya sebuah syarikat insuran luar negeri hendak mengadakan lesen untuk insuran, dasar Kerajaan, dasar Kementerian Kewangan ialah supaya menolak permohonan itu dan syarikat-syarikat luar negeri yang ada di sini pun kita selalu menggalakkan mereka supaya menyusun semula. Sukacita saya memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa kebanyakan syarikat-syarikat luar

negeri pun sudah mengambil perhatian di atas dasar kita dan mereka adalah mengambil tindakan supaya menjual saham-saham yang tertentu kepada syarikat-syarikat tempatan dan pemodal-pemodal tempatan. Walaupun nampaknya tidak ada beberapa syarikat tempatan, tetapi bolehlah saya katakan di sini juga bahawa syarikat-syarikat tempatan sudah pun mengambil-alih, mengambil bahagian yang besar dalam bidang insuran sekarang ini dan setakat ini ada 5 buah syarikat yang mengambil dalam kedua-dua pasaran insuran nyawa dan am dan mengambil 23% sehingga 27% masing-masing dalam bidang insuran nyawa dan am. Ini satu aliran (trend) yang kita akan menjalankan supaya syarikat-syarikat tempatan boleh mendapat lebih banyak perniagaan di dalam bidang insuran.

Ada dua perkara Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin nyatakan tadi ialah berkenaan angka-angka modal syarikat luar negeri. Dalam pindaan yang baru saya kemukakan kepada Dewan ini bahawa syarikat-syarikat luar negeri adalah mustahak mengadakan modal seperti yang dikehendaki dari syarikat tempatan adalah tidak kurang dari itu juga dan berkaitan dengan Fasal 3 dalam bahasa Inggeris pindaan Seksyen 4 (b) (i) yang berbunyi:

“(i) that the applicant has a surplus of assets over liabilities of not less than one million dollars or such greater amount as may be specified by notice in writing by the Minister and, if it is carrying on or will be registered in respect of both classes of insurance business, not less than one and a half million dollars. . . .”

Bermakna syarikat luar negeri mesti juga mengadakan modal seperti syarikat tempatan. Itu penjelasan yang pertama.

Lagi satu penjelasan yang patut saya beri ialah tentang Fasal 13A iaitu mengenakan juga syarikat luar negeri mengadakan assests over liabilities seperti yang dikehendaki oleh syarikat tempatan. In other words, we shall be treating foreign companies in the same way as local companies. Foreign companies in the past had a somewhat privileged position. They no longer will be privileged when this new Bill becomes law in so far as the local capital is concerned and in so far as the requirement of assets over liabilities are concerned. I hope that clarifies the position.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali Yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.26 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengusulkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Hakcipta (Pindaan), 1975, iaitu suatu Akta bagi meminda Akta Hakcipta, 1969, dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum Akta Hakcipta, 1969 telah berjalan semenjak dikuatkuasakan pada tahun yang tersebut tetapi pada masa ini didapati ada beberapa kelemahan dalam undang-undang yang diluluskan pada tahun 1969 dan ia telah berjalan kuatkuasanya semenjak tahun itu. Dengan perkembangan karya-karya sastera dan industri tempatan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah membentuk sebuah Jawatankuasa yang mengandungi wakil-wakil dari Kementerian-kementerian Pelajaran dan Penyiaran, Jabatan Peguam Negara, Perpustakaan Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengkaji semula Akta itu dengan tujuan untuk mengetahui mana-mana kelemahan yang terdapat dan juga mencadangkan langkah-langkah bagi menggalakkan pertumbuhan yang sempurna perusahaan percetakan dan

rakaman tempatan. Jawatankuasa itu telah mengadakan perundingan dengan beberapa badan termasuk di antaranya Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Persatuan Penerbit-penerbit Buku dan juga beberapa syarikat-syarikat rakaman. Cadangan Jawatankuasa ini terdapat pada Rang Undang-undang yang sedang dikemukakan kepada Dewan sekarang. Adalah dianggap bahawa cadangan pindaan yang dikemukakan terhadap Akta Hakcipta akan menolong mengatasi kelemahan-kelemahan ini dan juga menghapuskan kegiatan melanggar Akta Hakcipta.

Pada masa ini pemilikan ataupun pengimpotan salinan yang ditiru untuk kegunaan persendirian tidak menjadi kesalahan. Adalah dianggap perlu untuk mengadakan peruntukan supaya keadaan pemilikan dan pengimpotan bebas ini tidak disalahgunakan. Fasal 15 Akta ini perlulah dipinda untuk menjadikan seseorang yang mempunyai tiga atau lebih salinan ditiru dianggap sebagai mempunyai satu ataupun mengimpot salinan ditiru itu bagi tujuan selain daripada kegunaan persendirian dan badan bukti akan tertak kepada untuk menafikan anggapan ini. Kiranya ia tidak dapat mengemukakan bukti itu ianya adalah salah kerana mempunyai ataupun mengimpot salinan tiruan selain daripada kegunaan persendirian.

Denda yang dikenakan menurut Akta ini pada masa sekarang adalah terlalu rendah untuk menghalang kegiatan pelanggaran hakcipta itu. Oleh itu dicadangkan supaya denda bagi tiap-tiap satu kesalahan pelanggaran dinaikkan dari \$200 kepada \$2,000 dan denda maksima dikenakan bagi satu-satu kesalahan dinaikkan dari \$50,000 kepada \$100,000. Adalah diharapkan dengan menaikkan denda ini ianya akan menambahkan kesan bagi menghalang kegiatan melanggar Akta Hakcipta ini.

Akhirnya, Akta ini dipinda untuk mempercepatkan bukti pemilikan hakcipta dengan mengadakan "affidavit" bagi seseorang yang menuntut pemilikan hakcipta diterima dalam perbicaraan jenayah mahkamah sebagai bukti "prima facie" akan pemilikan hakcipta itu. Ini boleh mengatasi masalah-masalah yang berbangkit dalam mana pihak yang mempunyai hakcipta dengan sebab-sebab yang tidak dapat tidak dielakkan, tidak sendirinya dapat hadir memberi kenyataan dalam satu-satu pembicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.31 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Undang-undang Hakcipta ini yang sebenarnya dibawa ke dalam Dewan ini sudah terlalu lewat iaitu pada tahun 1969. Kemudian didapati pula beberapa kelemahan sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Sudah tentu saya memberi pandangan yang berlainan dalam Dewan ini terutama bila menghadapi hak-hak yang semacam ini, iaitu saya lebih suka di dalam undang-undang ini dimasukkan pada satu masa yang lain pula satu clause yang bukan sahaja hakcipta itu diakui apabila dituntut, tetapi biarlah undang-undang itu sendiri menjaga hakcipta itu.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kesalahan curi hanya dikira curi kalau ada orang ditangkap kerana mencuri, tetapi kalau pencuri itu tidak ditangkap, maka kes curi itu tidak jadi kes curi lagi sebab siapapun tidak datang mengadu, begitu juga hakcipta ini apabila ada pihak yang memeras satu pihak dan pihak yang kena peras itu mengadu barulah pihak yang kena peras itu akan dikemukakan kesnya ke dalam mahkamah, tetapi kita dapati undang-undang ini tidak mengawal hak itu sendiri. Ini terbukti apabila kita kemukakan di sini apabila seseorang didapati di dalam miliknya ada 3 salinan maka barang siapa yang didapati begitu boleh dianggap orang itu sebagai seorang yang menyimpan bahan hakcipta untuk maksud yang tertentu, kecuali kalau sekiranya orang itu dapat membuktikan bahawa dia memiliki bahan itu untuk dirinya sendiri ataupun domestic. Perkataan domestic ini bukan main susah hendak ditafsirkan. Bagi seorang loyar, barangkali di hadapan kita kedua-dua Menteri adalah peguam dapat mentafsirkan 3-4 salinan boleh lagi dikatakan domestic, kerana mungkin saudara saya hendak baca pun tak cukup dan boleh melebihi sampai 5-6 salinan. Bagi orang yang membuat thesis pula barangkali 2-3 salinan itu tak cukup juga. Jadi apakah satu criterion yang Menteri kita ini meletakkan 3 naskah itu patut dianggap sebagai satu prima facie di dalam undang-undang jenayah. Ini pun satu perkara baru yang ditimbulkan

oleh Kerajaan Barisan Nasional kita sekarang ini, menentukan angka, satu falsafah baru dalam undang-undang.

Yang kedua, kita mengharapkan berjalannya hakcipta ini mengikut pengetahuan saya berdasarkan apa yang saya tahu dan apa yang dapat saya dengar daripada Menteri bahawa mengharapkan pihak-pihak yang lain menolong kita. Memang benar dalam sebuah negara ini Kerajaan sahaja tidak boleh menjalankan satu-satu kebaikan melainkan disokong oleh orang ramai, tetapi diketika kita membuat undang-undang kalau kita meletakkan hak itu ataupun meletakkan tugas itu atau mengharapkan tugas itu kepada orang yang di luar, saya rasa ini satu kerja yang bukan lembab tetapi kurang cergas sedikit bagi orang-orang yang memandangnya, dan nasib baik kalau kita katakan GAPENA itu sebagai satu badan yang mahu bekerjasama, tetapi kalau GAPENA itu tidak mahu, maka ciptaan-ciptaan di negara ini tidak dapat timbul. Sebab itu kita belum pernah dengar lagi dalam Tanah Melayu ini ada seorang yang menuntut hakciptanya di dalam mahkamah belum lagi, tetapi kalau orang-orang di luar ada menuntut dalam hal ini, di negara kita sendiri tidak ada. Ini membuktikan bahawa Kerajaan kurang memberikan perhatian kepada ciptaan-ciptaan kebangsaan kita sendirinya ataupun sebaliknya memang negara kita tidak mempunyai manusia-manusia ataupun tokoh-tokoh langsung. Ini bukan bererti bahawa bila tidak ada tuntutan itu ertinya kita aman. Misalnya kalau kita dapati sekarang ini banyak orang sakit malaria bukan bererti dahulu tidak sakit malaria, barangkali dahulu orang tidak suka report tentang perkara itu kepada Kerajaan, sekarang ini dia report.

Begitu juga di dalam hakcipta ini, saya belum dapati lagi angka-angka yang diceritakan oleh Kementerian yang berkenaan. Dua tiga Ahli yang ada di sebelah saya si sini telah melibatkan diri di dalam urusan yang boleh kita anggap sebagai hakcipta kira-kira 40-50 tahun lalu, saya sendiri lebih daripada 100 buah buku yang saya karang, dan saya boleh tunjukkan pada masa yang lain. Saya bukanlah hendak menuntut hakcipta itu, kerana itu sudah dibawa oleh masa dan benda yang lalu itu kalau kita tengok sekarang pun kita tidak mahu lagi, cuma yang saya sebutkan ertinya berselerak ciptaan itu dengan tidak dikawal dan apabila tidak dikawal maka mutu ciptaan itu tidak dapat

kita hendak nilai. Dengan sebab itu, saya dapati di hari ini pun banyak buku karangan yang berbentuk ugama, akademik dan sebagainya dan setengah-setengah orang menarang buku yang bukan daripada keahliannya sendiri. Inipun tidak terkawal. Seolah-olah kita mengadakan undang-undang hakcipta ini semata-mata apabila ada orang mencuri sahaja. Jadi Undang-undang kita ini bukan untuk membina, undang-undang yang semata-mata hendak prevent satu jenayah sahaja dan ini tidak selaras dengan tujuan kita yang pada asalnya untuk mengadakan Rang Undang-undang Hakcipta.

5.39 *ptg.*

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Saya fikir bahawa Rang Undang-undang ini dibawa ke dalam Dewan dengan sebab peruntukan-peruntukan yang lalu itu adalah lemah, tak dapat dikuatkuasakan. Dengan keadaan ini bahawa perlulah dari semasa ke semasa pindaan Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah hakcipta ini, saya memberikan pandangan-pandangan, pertama sekali bahawa Rang Undang-undang ini sekiranya dapat supaya memberikan perlindungan kepada ahli-ahli sastra kita dan juga samada ahli-ahli sastra kita dalam bahagian penulisan dan juga ahli sastra dalam seni suara, sebab kita dapat tahu di masa-masa yang akhir ini ada ahli-ahli sastra kita yang dalam karya-karyanya yang begitu baik digunakan oleh penduduk dalam negeri ini dan juga hangat digunakan oleh penduduk-penduduk luar negeri, ada manusia yang mencuri karya-karya itu dicitak di luar negeri, kemudian dijual kepada dunia. Hak ini adalah hak rakyat kita yang begitu kecil, tetapi kita tak ada kuasa hendak mengawal, hendak melindungi atau hendak merampas buku-buku yang sedang diedarkan dengan tidak setahu yang mempunyai karya ini.

Yang kedua, kita juga mempunyai buku-buku lama sastra yang dikarang oleh datuk-nenek kita dahulu dengan tulisan tangan dipungah oleh penjajah pada masa dahulu disikannya dalam khazanah negara mereka. Menurut pandangan saya kalau boleh hak Rang Undang-undang ini mendapatkan

segala karya-karya yang lama yang dikarang oleh warganegara ini sebagai hak dia, hak negeri ini supaya diambil balik daripada negara-negara yang ada terlibat dan kita boleh bermurah hati kepada mereka, kita boleh memberikan salinan yang kedua kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah hak seni suara juga kita berasa senang hati dan ini juga saya anggap sebagai hakcipta. Seni suara kita orang-orang Malaysia ini pada saat-saat yang akhir ini sangat digemari bukan sahaja nusantara di kawasan pulau-pulau Melayu tetapi termasuk orang India, orang Inggeris dan lain-lainnya, tetapi malangnya hak seni suara warganegara kita ini dipercuri oleh manusia-manusia melalui ciptaan piring-piring hitam dan piring hitam yang diedarkan ke seluruh dunia itu dijual dengan harga yang murah. Alangkah ruginya mereka yang mencipta yang mempunyai hak seni suara itu dipermainkan-mainkan oleh manusia-manusia yang sedang berkehendakkan keuntungan. Saya mengharapkan perkara ini juga dapat diperhatikan oleh Kementerian ini.

Saya mengharapkan juga kalau boleh Kerajaan memberikan satu perhatian yang memberikan kebajikan kepada ahli-ahli sastra kita dan juga ahli-ahli seni suara kita yang ada digunakan oleh umum dan digunakan oleh Kerajaan supaya mereka itu diberikan saguhati sebab usaha-usahanya ini akan menghiburkan rakyat, akan menjadikan satu benda yang digemari oleh rakyat dan digunakan oleh Kerajaan seperti Allahyarham P. Ramlee. Siapa yang tak tahu P. Ramlee, semua orang tahu, tetapi usaha-usaha cipta suaranya itu tinggal begitu juga dengan tak ada satu kenangan, dengan tak ada satu balas budi oleh Kerajaan kepadanya walaupun dia sudah mati kita boleh balas budinya kepada warisan-warisannya.

Itulah sahaja pandangan saya kalau dapat disesuaikan dengan Rang Undang-undang Hakcipta yang ada di hadapan kita.

5.43 *ptg.*

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan tentulah agaknya setelah disiasat dan diadakan perundingan seperti Yang Berhormat Menteri kemukakan tadi terdapat beberapa kelonggaran-kelonggaran di dalam Undang-undang Hakcipta, 1969 itu. Pada hakikatnya kelahiran

Akta Hakcipta ini tertumpu kepada menjaga hak yang diciptakan oleh seseorang dan pemikirannya sendiri supaya tidak dicuri orang dan dijadikan hakmilik orang lain sehingga dia mendapat keuntungan daripada hakcipta orang lain. Undang-undang Hakcipta, 1969 serta Rang Undang-undang (Pindaan) ini merupakan satu pengawalan terhadap hakcipta yang kita maksudkan itu.

Pada beberapa tahun dahulu kita terdengar rungutan-rungutan dan tangisan-tangisan daripada ahli-ahli sastra kita bahawa hakcipta mereka itu telah dicuri orang, bahawa mereka telah dipermainkan sahaja oleh golongan-golongan peniaga, golongan-golongan yang bersifat kapitalis untuk memerah otak mereka itu sedangkan mereka ini tinggal dengan keadaan yang tidak sempurna, tidak baik sedangkan orang yang mencuri atau mengambil hakcipta mereka ini mendapat kedudukan yang lebih mewah. Maka untuk menjaga hak-hak ini mungkin Undang-undang ini melindungi mereka itu, tetapi saya suka meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sejauh manakah sudah undang-undang ini berjalan kuatkuasanya melindungi kepentingan-kepentingan hakcipta ini sehingga diperlukan suatu pindaan di dalam undang-undang ini. Keperluan kepada sesuatu pindaan Rang Undang-undang tentulah ada sebab-sebab yang telah melibatkan dan juga ternampak beberapa kekosongan ataupun beberapa kelemahan di dalam Rang Undang-undang itu, tetapi undang-undang itu sendiri sejauh manakah telah diamalkan dan berapa banyakkah sudah sastrawan atau orang yang seumpama ini yang telah menuntut hakciptanya melalui mahkamah dan berapakah kes yang telah berlaku di atas perkara ini di bawah Akta Hakcipta, 1969 itu sehingga memerlukan kepada satu pindaan baru. Soalan ini saya perlu kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri supaya jelas bahawa undang-undang yang ada di hadapan kita ini benar-benar telah dapat dipergunakan oleh sastrawan kita untuk melindungi hak mereka.

Pada satu masa dahulu—saya lupa masanya—ada satu rungutan yang telah dikemukakan di dalam suratkhabar oleh ahli-ahli sastra bahawa hak mereka itu telah dicuri oleh orang dan setelah haknya dicuri orang dan dicetak, dia tidak dapat membuat

pengaduan ke sebarang tempat dan manakala dia telah kemukakan perkara ini kepada pihak yang berkuasa, maka konon khabarnya dia terpaksa membuat laporan ini ke Balai Polis dan apakala sampai ke Balai Polis, katanya dia pun tak tahu bagaimana cara hakcipta ini di bawah undang-undang ini dapat menerima laporan (report) daripada seorang sastra yang karyanya telah dicuri orang. Rungutan yang seperti ini berlaku. Soalan yang saya kemukakan sekarang, adakah Akta ini benar-benar dapat melindungi sastrawan kita ataupun ahli-ahli sastra kita, ahli-ahli pengarang kita yang mengarang buku—bukan sastra sahaja, tetapi orang-orang yang mengeluarkan fikiran yang menerbitkan satu ciptaan buku-buku karangan, baik ia berupa sastra, berupa ugama, berupa ilmu pengetahuan, berupa seperti saudara saya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Hamzah, beliau sudah mengarang 100 buah buku katanya sejak daripada ambil wudhu' sampai kepada naik Mekah, dia karang semua, adakah buku-buku yang seperti ini dapat dilindungi oleh undang-undang ini? Sebab kalau sekiranya seorang membuat mengatakan Rukun Islam itu 5 perkara, itu cerita dalam buku dia, orang lain pun buat macam itu, adakah orang yang lain itu akan terkena dengan undang-undang ini oleh kerana orang yang kedua mencuri pendapat orang yang pertama melalui buku-buku yang dibaca oleh mereka itu dan kalau orang yang pertama mengadu bahawa orang ini mencuri bukunya kerana begini-begini sifatnya, adakah perkara yang seperti ini dapat dipertanggungjawabkan oleh mahkamah di bawah Akta ini?

Yang kedua, saya ingin minta penjelasan, ke manakah ahli-ahli sastra kita yang buah ciptaannya itu dicuri orang dapat membuat pengaduan, sebab ada orang mengatakan bahawa ini jenayah, ada orang mengatakan ini sivil, tak tahulah bagaimana cara proses yang hendak dikemukakannya. Seorang ahli sastra, seorang pengarang bukanlah orang yang lumayan hidupnya seperti pengarang-pengarang di luar negeri, dia kais pagi makan pagi macam kita juga, dan kalau dia memerlukan seorang peguam untuk membela bukunya di mahkamah dan peguam itu terpaksa minta dibayar, katalah \$2,000 dan dia tidak terdaya membayarnya, maka hakciptanya terbiar begitu sahaja dicuri orang

dan tak ada seorang peguam yang sanggup membela orang ini dengan percuma kecuali Biro Guaman, tetapi Biro Guaman ini dapatkah dipergunakan oleh orang yang seperti ini untuk membela haknya di mahkamah.

Jadi, saya minta supaya Undang-undang Hakcipta yang kita terima dengan pindaan yang ada sekarang ini betul-betul dapat melindungi hakcipta orang yang bersusah payah sebab ada beberapa buah buku yang tidak boleh dikeluarkan melainkan dengan penyiasatan, melainkan dengan penyelidikan dan pengalaman yang dalam. Kita katakan satu contoh, misalnya adat pepatih di Negri Sembilan, bukan semua orang dapat mengkaji buku itu sebab Negri Sembilan hanya satu sahaja negeri di Malaysia yang mempunyai adat pepatih, negeri lain tidak ada. Kalau negeri lain adat suka hati, tetapi Negri Sembilan ada mempunyai adat pepatih dan ada bukunya yang dikarang oleh ahli yang berkenaan dengan adat pepatih. Tetapi sejauh manakah perlindungan buku-buku seperti ini dapat dikawal oleh Akta yang ada di hadapan kita ini kalau berlaku satu pencurian oleh kerana hendak research, oleh kerana orang di luar hendak mengetahui tentang adat pepatih, ada percetakan mencuri buku dijual di luar negeri. Adakah Rang Undang-undang ini dapat mempertahankan hakcipta bagi orang yang telah mengeluarkan buku?

Tuan Yang di-Pertua, pendeknya pada fahaman saya Undang-undang Hakcipta ini adalah baik bagi orang-orang yang teraniaya dengan dicuri hakciptanya, tetapi yang saya mahu mendengar sejauh manakah undang-undang ini telah dapat digunakan oleh pengarang-pengarang, ahli-ahli sastra kita, ahli-ahli pengarang kita sehingga dia betul-betul dapat dilindungi dengan Akta ini dan kenapakah maka pindaan ini wajib dibuat? Tentulah ada sebab-sebabnya dan apakah sebab-sebab yang menasabah bahawa penetapan ataupun tambahan kepada undang-undang ini dikemukakan dalam Dewan ini? Kita harap ahli-ahli sastrawan kita ataupun ahli pengarang kita dapat menikmati Akta Hakcipta yang ada di hadapan kita ini.

5.53 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bukannya sebagai sifat seorang peguam

kerana ada kaitan sebentar tadi dengan profesyen saya, tetapi saya bangun kerana saya pernah menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Akta Hakcipta 1969 perlu dipinda dan pada hari ini saya berdiri bersyukur kerana pindaan telahpun dikemukakan di Dewan yang mulia ini.

Saya sedar di bawah Akta Hakcipta 1969 ataupun Akta ibunya peruntukan telahpun ada berkenaan dengan tuntutan yang boleh dibuat oleh seseorang di bawah tuntutan sivil, iaitu kalau tidak salah saya di bawah Seksyen 14 Akta Hakcipta 1969. Ini tuntutan sivil dan saya sedar ramai sastrawan-sastrawan kita barangkali tidak mampu datang berjumpa dengan peguam, membayar duit terlebih dahulu umpamanya, untuk menjalankan kes mereka kerana keadaan negara kita bukanlah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Abdullah sebentar tadi, bukan semua sastrawan-sastrawan kita orang yang berada, orang yang sanggup mendakwa memperlingkungan hak mereka di bawah tuntutan sivil.

Saya sedar juga ada peruntukan di bawah Seksyen 15 Akta Hakcipta 1969 yang mana tuntutan boleh dibuat di bawah tuntutan jenayah dan di bawah peruntukan inilah ramai sastrawan-sastrawan kita yang telah mengadu, meminta pihak Polis menjalankan tuntutan. Apa yang saya difahamkan setakat ini bila mereka pergi ke Polis membuat laporan, membuat aduan, pihak Polis menolak sahaja, mengatakan mereka tidak mempunyai kuasa atau mempunyai bukti yang penuh dan biasanya dipulangkan balik atau ditolak balik kepada sastrawan itu. Oleh kerana yang demikianlah maka saya nampak Pindaan telah dibawa kepada Akta Hakcipta 1969 ini membolehkan seseorang itu menggunakan affidavit atau satu surat keterangan sumpah ataupun statutory declaration yang mana boleh digunakan oleh pihak Polis untuk menjalankan penyiasatan yang lebih lanjut. Perbuatan jenayah terhadap hakcipta saya anggap adalah satu perbuatan yang bukan senang hendak dimajukan kepada mahkamah dan dapat dibuktikan dengan sepenuhnya supaya orang yang mencuri hakcipta itu boleh dihukum. Saya sedar itu satu perbuatan yang agak sukar dikesan. Rasa saya bukan semua anggota-anggota Polis biasa yang pandai membuat siasatan terhadap jenayah ini. Ini satu perbuatan yang agak specialised dan jikalau begitu tentulah kita

terpaksa mengadakan satu pasukan yang agak specialised juga untuk menyiasatnya. Saya suka di sini mengesyorkan jikalau ada tindakan yang hendak dibuat di bawah Seksyen 15 ini penyiasatan patutlah dibuat oleh satu seksi di bawah Biro Siasatan Negara yang mengandungi pegawai-pegawai yang agak mahir sedikit untuk menjalankan tuntutan jenayah di bawah Seksyen 15 Akta Ibu.

Saya pandang juga kepada satu pindaan yang telah dibuat di bawah Rang Undang-undang ini iaitu pindaan di bawah Fasal 3 yang meminda Seksyen 15 Akta Ibu. Ini telah ditetapkan di bawah pindaan iaitu apakah tafsiran pemilikan secara private ataupun kegunaan untuk sendiri. Di sini telah ditetapkan di bawah Fasal 3 (V) iaitu satu sub-section baharu 6 yang menyatakan:

“(6) Bagi maksud perenggan (d) dan (f) seksyen-kecil (1) seseorang yang ada dalam miliknya tiga atau lebih salinan melanggar hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai memilik atau mengimpot salinan-salinan itu bagi apa-apa juga kegunaan lain daripada bagi kegunaan persendirian atau rumahtangga.”

Sekarang ini nampaknya undang-undang ini telah menetapkan angka iaitu kalau kita memiliki tiga atau lebih buah buku umpamanya kita dianggap telah melanggar peruntukan undang-undang ini. Saya takut sedikit begini; kebiasaannya orang biasa mungkin tidak mempunyai lebih daripada satu atau dua buah buku. Tetapi kalau khutubkhanah biasanya mempunyai lebih daripada tiga buah buku.

Saya sedar ada peruntukan di dalam Akta Hakcipta ini iaitu peruntukan di bawah Seksyen 8 (i) (j) Akta Ibu yang mengatakan, saya bacakan naskahnya dalam bahasa Inggeris:

“Provided that copyright in any such work shall not include the right to control any use made of a work by or under the direction or control of the Government by such public library and educational and scientific institution as may be prescribed by the National Archives or the State Archives of any State of Malaysia.”

Dengan lain makna dikecualikan jikalau khutubkhanah umum umpamanya mempunyai tiga naskah atau lebih, dan begitu juga dikecualikan jikalau Kerajaan mempunyai tiga atau lebih naskah. Juga kalau

sekolah mempunyai tiga atau lebih naskah, tetapi, ada juga khutubkhanah-khutubkhanah yang bukannya khutubkhanah umum, tetapi dia masih juga menjadi khutubkhanah dan setahu saya khutubkhanah ini biasanya mempunyai lebih daripada tiga buah buku dan adakah kalau begitu khutubkhanah itu boleh dikenakan tuntutan di bawah Undang-undang ini. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perkara ini. Saya tidak nampak di bawah pindaan ini samada seseorang itu boleh dikenakan tuntutan jikalau dia membuat suatu salinan yang lebih banyak (reproduction) secara machine atau digelar dengan Xerox machine ataupun copying machine. Perkara ini selalu sangat berlaku yang mana diambilnya satu buku lepas itu dia pergi kepada kedai ataupun tempat yang mengadakan copying ini dia mengeluarkan banyak lagi. Di sini saya rasa tidak begitu jelas bagaimana kedudukannya. Saya tahu di negeri-negeri lain, di negeri Australia umpamanya tindakan semacam itu yang dibuat oleh universiti umpamanya telah menjadi soalan. Adakah perbuatan semacam itu melanggar atau tidak Akta Hakcipta? Di bawah ini tidak begitu jelas. Kepada saya mungkin perbuatan semacam itu boleh dianggarkan sebagai melanggar hakcipta dan orang yang melakukan perbuatan itu boleh dituntut bukan sahaja di bawah sivil tetapi juga di bawah tuntutan jenayah. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dari segi itu.

Penjelasan yang akhir saya minta kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah sebabnya yang kita tidak menandatangani Covention Antarabangsa yang biasanya dikenali Berne Convention, apakah sebabnya kita tidak menjadi ahli dari segi itu, adakah kerana kebaikan bagi negara kita atau sebaliknya.

6.05 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pendapat dan pandangan di atas pindaan kepada Akta Hakcipta ini dan izinkan saya memberi jawapan ataupun pandangan terhadap perhatian-perhatian, pendapat-pendapat dan pertanyaan-pertanyaan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap di dalam perkara pindaan kepada Akta ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Kamarul Ariffin bertanya mengapa Malaysia tidak menandatangani Convention Hakcipta dan memasuki bersama-sama dengan negara-negara lain dalam perkara Convention ini, saya sukalah menyatakan bahawa Malaysia telah mengambil ketetapan tidak menandatangani dan menyertai Convention ini oleh kerana kami berpendapat adalah tidak berfaedah sangat buat masa ini bagi negara Malaysia memasuki Universal Copyright Convention ataupun Berne Convention. Setakat yang saya tahu buku-buku dan rekod-rekod yang dicipta di dalam negara ini tidak begitu banyak dijual ataupun ditiru atau disebarkan di luar negeri. Dalam pada itu langkah sedang diambil untuk mengadakan satu Convention daripada negara-negara yang membangun ataupun daripada developing countries, naskah ataupun salinan perjanjian di bawah Convention Copyright negara-negara membangun ini adalah sekarang sedang dikaji. Satu contoh Undang-undang Copyright bagi developing countries ataupun negara-negara yang sedang membangun telahpun disediakan, tetapi buat masa ini belum lagi dibincangkan dengan mendalamnya oleh negara-negara yang berkenaan. Kita akan menyertai apa sahaja perbincangan yang akan diadakan untuk mengkaji dengan lebih mendalamnya satu undang-undang terhadap copyright yang melibati negara-negara yang masih membangun. Buat masa ini kita telah mengkaji pelawaan daripada setengah-setengah negara bagi Malaysia mencampuri Convention samada Universal Copyright Convention ataupun Berne Convention tetapi oleh kerana sebagaimana saya katakan tadi buku-buku dan rekod-rekod daripada buatan Malaysia ini tidak banyak disebarkan di luar negeri, kita menganggap bahawa memasuki Convention ini adalah lebih merugikan kita daripada menguntungkan kita. Yang untung kalau sekiranya kita memasuki Convention ini adalah negara-negara yang membangun kerana banyak negara-negara membangun ada kenyataan pada kita bahawa banyak rekod-rekod dan buku-buku yang dikarang atau di-buat di negara-negara yang maju banyak disebarkan di dalam negara kita ini. Jadi kemasukan kita dalam Convention ini sebagaimana saya katakan tadi akan hanya menguntungkan negara-negara yang lain yang telah membangun daripada menguntungkan negara kita sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat itu juga bertainya samada satu-satu tempat macam libraries—khutubkhanah-khutubkhanah itu boleh diambil tindakan terhadapnya oleh kerana mempunyai lebih tiga naskah satu-satu karya, sukalah saya menyatakan bahawa di bawah Seksyen 8 satu Undang-undang pokok asal 1 (d) ada disebutkan di situ bahawa kalau sekiranya satu-satu naskah itu disebarkan ataupun disiarkan salinannya di satu tempat yang dianggap permanent ataupun tetap sebagai khutubkhanah, maka ini adalah tidak termasuk di bawah kawalan Akta ini. Kalau saya boleh baca seksyen itu dia mengatakan di sini:

“Provided that the copyright of any such work shall not include the right to control the reproduction and distribution of copies of any artistic work permanently situated in a place where it can be viewed by the public”.

Jadi, mengikut pendapat saya kalau sekiranya buku itu diletakkan dengan tetapnya di satu-satu tempat sebagai khutubkhanah di mana orang ramai berpeluang melihat dan membacanya, ini saya rasa terkeluar daripada kawalan Akta ini mengikut seksyen itu.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah menyatakan kenapa diasaskan kepada tiga naskah sebagai criteria, ini adalah semata-mata polisi, dasar sahaja untuk menentukan yang kita ada asas daripada mana kita dapat menetapkan bahawa penyimpanan naskah kita umpama itu adalah dianggap sebagai prima facie proof, bukti yang dia telah melakukan kesalahan ini. Jadi, tentang perkara ini sukalah saya menyatakan tindakan samada masalah ataupun soalan tindakan dari segi undang-undang akan diambil di bawah undang-undang ini adalah bergantung kepada samada pemilihan lebih daripada tiga naskah ini, pada buktinya adalah jelas kesalahan. Ini terpolang kepada timbang-tilik pihak yang berkenaan, khususnya Pejabat Peguam Negara yang mesti memberi *fiat* sebelum satu-satu pendakwaan dibawa ke mahkamah; samada bukti yang ada kepada beliau dalam mana seorang itu mempunyai lebih daripada tiga naskah itu adalah bukti yang boleh beliau menetapkan supaya satu tindakan mahkamah dari segi pendakwaan boleh dibawa. Kalau sekiranya bukti yang ada sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ada bukti menunjukkan bahawa pemilihan

tiga naskah itu jelas menunjukkan bahawa dia tidak ada langsung niat atau tujuan untuk menyimpan barang itu dengan melanggar undang-undang ini sudah pastilah Peguam Negara akan mengarahkan supaya tindakan mendakwa pihak yang berkenaan dibuat di dalam mahkamah.

Tentang kenyataan bahawa tidak pernah berlaku langsung kes dibawa ke mahkamah di atas perbuatan melanggar undang-undang ini, saya sukalah menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa inilah perkara yang dibangkitkan sangat oleh pihak-pihak sasterawan, terutama sekali yang menjadi ahli GAPENA. Ini ialah di sebabkan sebagaimana telah dinyatakan tadi, ada kenyataan bahawa pada masa lepas tindakan telah tidak diambil oleh pihak yang bertanggungjawab yang membawa perkara ini ke mahkamah untuk membuat pendakwaan, iaitu pihak Polis. Saya sukalah memberi penjelasan bahawa perkara ini banyak yang tidak dibawa ke mahkamah oleh kerana mengikut lapuran yang saya terima oleh kerana bukti bahawa kesalahan-kesalahan Undang-undang ini meniru satu-satu hakcipta itu tidaklah mempunyai bukti yang begitu kemas. Sebagaimana Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin menjelaskan perkara mencari bukti (evidence) di dalam satu kes meniru hakcipta itu adalah satu perkara yang susah didapati. Dan dengan itu sebagaimana saya katakan tadi banyak aduan peniruan hakcipta yang dibawa kepada pihak bertanggungjawab seperti pihak Polis telah tidak diambil tindakan dengan alasan bahawa bukti yang dikemukakan oleh pihak yang mengadu itu tidak mencukupi bagi pihak Polis menjalankan pendakwaan di mahkamah.

Jawatankuasa yang saya nyatakan tadi yang bertugas di dalam perkara mengkaji kedudukan hakcipta telah mengkaji kedudukan semacam ini dan pihak GAPENA di dalam Jawatankuasa ini telah menyatakan kemusykilan mereka bahawa tindakan-tindakan tidak selalu diambil oleh pihak berkenaan samada Polis bagi membela kedudukan hakcipta mereka ini. Saya telah memberi jaminan sebagaimana yang saya telah beri di Dewan Rakyat bahawa selaku Kementerian yang bertanggungjawab di dalam hakcipta ini, Kementerian ini akan mengadakan satu bahagian khusus untuk bertanggungjawab di dalam perkara menerima aduan-aduan daripada pihak yang suka ber-

tindak di bawah ini; membawa aduan ini kepada bahagian yang berkenaan dan bahagian berkenaan di dalam Kementerian saya akan membuat apa sahaja yang boleh bagi menolong pihak-pihak teranianya dari segi copyright ini ditiru, dibawa perkara ini ke pihak yang berkenaan yang betul-betul bertanggungjawab, iaitu pihak Polis. Kalau sekiranya perkara itu serious tindakan akan diambil oleh Kementerian supaya perkara ini dibawa ke pihak mahkamah.

Dalam pada itu juga oleh kerana perkara copyright, hakcipta ini adalah melibatkan hak asasi seseorang sebagaimana yang telah terbukti di dalam ini, ada dua cara membawa tindakan, satu dari segi criminal (jenayah) dan satu dari segi sivil. Sivil itu diletakkan di sini oleh kerana saya berpendapat ini adalah satu perkara dalam mana hak asasi kepunyaan seseorang itu perlu dibela dan terpujanglah rasa saya banyak juga tanggungjawab ini kepada orang-orang yang hak asasinya itu disalah-gunakan oleh orang lain, membawa perkara ini ke mahkamah dari segi sivil, sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang asal ini ada peruntukan yang kalau sekiranya kes itu diproved di mahkamah, bukan sahaja tindakan dari segi jenayah boleh diambil oleh mahkamah bahkan pihak yang hakciptanya itu ditiru boleh mendapat ganti rugi yang ditetapkan oleh mahkamah.

Saya juga telah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa yang bertanggungjawab di dalam perkara ini yang mana GAPENA adalah menjadi ahli telah juga mencadangkan supaya badan GAPENA dan badan-badan sastera yang lain mengadakan wang (fund) kumpulannya sendiri yang boleh menolong mereka membawa satu-satu kesnya sendiri ke mahkamah kalau sekiranya dengan sebab-sebab yang tertentu perkara itu tidak boleh dibawa ke mahkamah oleh pihak Polis. Saya juga sukalah menyatakan di sini bahawa kalau sekiranya ada satu-satu kes itu melibatkan orang perseorangan yang sudah tentu tidak mempunyai wang untuk membawa satu-satu kes itu ke mahkamah untuk pembelaan dari segi sivil ataupun criminal sudah tentulah pihak yang tertipu copyright itu, rasa saya, boleh membawa perkara itu lagi ke pejabat yang berkenaan yang boleh menimbang kemungkinan memberi bantuan guaman (legal aids) untuk perkara ini dibawa kepada mahkamah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengganggu, yang mana dalam Dewan ini orang-orang yang laymen sendiri hendak tahu. Kalaulah undang-undang ini sendiri tidak menentukan ingredient-ingredient yang pihak-pihak yang hendak membawa ke mahkamah tiba-tiba kita adakan angka atau satu point untuk menjadi prima facie bagi orang itu mengemukakan tuntutan. Bagaimana pula hendak menentukan, hendak merangkumkan di antara sivil dengan criminal, tort dengan crime di dalam satu kes sedangkan di dalam law ini sendiri tidak ada ingredient langsung. Jadi saya tidak hendak katakan Undang-undang itu sendiri dibuat dari mula asal lagi tidak begitu, tetapi kalau barang siapa menimbang Rang Undang-undang ini tidak ada apa-apa, hanya sebagai satu essay, satu cerita sahaja. Jadi hendak membuat essay menceritakan tentang hendak membela rakyat, begitu-begini, tetapi tidak dapat dipegang sebagai ingredient saya rasa itu patut kita memberi hadiah novel kepada menteri ini, tidak hadiah undang-undang.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya berharap janganlah Ahli Yang Berhormat memikirkan bahawa undang-undang ini pindaan undang-undang asal. Kalau kita baca the basic law ada, all the ingredients dalamnya berapa lama satu-satu benda itu dianggap termasuk dalam mana Copyright ada dalam Seksyen 5 dan Seksyen 6 semua ada all the ingredients, cuma yang tidak ada dari segi pemilikan setakat mana orang itu memilik dianggap dia memiliki dengan tujuan tidak baik. Sebab itu kita bubuh tiga sebagai asas, tetapi ingredient yang lain ada yang dikatakan literary musical or artistic work other than photographs and date of the expiration of copyright 25 years after the end of the year in which the author dies, ada semua panduan, garis-garis, bukti-bukti ingredient. Oleh kerana tidak ada dalam Bil ini maka kita masukkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad berharap Akta ini boleh memberi kuasa kepada kita membawa balik karya-karya lama di luar negeri. Jadi, dukacita saya menyatakan di sini bahawa setakat yang saya tahu tidak ada kuasa di bawah Undang-undang ini bagi membolehkan kita meminta balik. Saya tahu banyak perkara-perkara lama yang dibawa keluar oleh orang

semacam Sir Stamford Raffles yang banyak ada di dalam muzium di London dan Edinburgh. Saya bersetuju sangat dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa kita ambil balik barang itu bawa ke negara kita untuk disimpan dalam muzium kita. Undang-undang ini tidak ada kuasa rasa saya bagi memberi kuasa kepada kita berbuat demikian. Perkara ini rasa saya perlulah dilakukan dengan cara perundingan di antara kita dengan pihak yang berkenaan yang menyimpan barang-barang ini supaya kalau boleh dapat kita beli balik semua atau minta pulangan balik barang-barang yang telah dibawa keluar daripada negara kita.

Berkenaan karya-karya dan rekod-rekod kita yang ditiru seperti kata Ahli Yang Berhormat ada didapati di luar negeri, rasa saya tidak dapat kita mengambil tindakan terhadap karya-karya yang dibawa dan ditiru kemudian dibawa keluar. Kita cuma boleh mengambil tindakan sekiranya karya-karya ataupun rekod-rekod yang ditiru itu dibawa keluar dan dibawa masuk balik ke sini atau diimpot balik semula, tindakan sewajarnya boleh diambil terhadap orang yang mengimpot dan juga mungkin orang yang menedjar barang-barang tiruan itu dalam negara kita. Undang-undang yang kita gubalkan semenjak tahun 1969 ini cuma melibatkankan perbuatan jenayah, meniru apa yang berlaku di dalam negara, dengan ini, mahkamah kita ada kuasa membicarakan satu-satu pendakwaan yang dibawa terhadap satu-satu peniruan itu.

Berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Othman bin Abdullah sejauh manakah undang-undang berjalan melindungi keperluan hakcipta, perkara ini payahlah hendak diukur setakat mana perjalanan ini melindungi keperluan ahli-ahli sastera berjalan selama ini, oleh kerana saya tidak ada rekod yang menunjukkan berapa banyak kes yang telah dibawa ke mahkamah. Sebenarnya, setakat yang saya tahu pada masa saya bertugas dahulu di Pejabat Undang-undang, memang kurang benar kes macam ini dibawa ke mahkamah, oleh kerana perkara ini biasanya diadukan kepada pihak Polis dan pihak Polis biasanya tidak mendapati bukti yang cukup untuk dibawa perkara ini ke mahkamah. Setakat yang saya tahu banyak aduan berkenaan dengan peniruan trade mark dibawa ke mahkamah, tetapi oleh kerana langkah pertama tidak

diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam perkara ini, ahli sastera seperti yang saya tahu banyak kesnya dibawa ke mahkamah terhadap perkara-perkara peniruan karya-karya ataupun rekod-rekod. Jadi dengan adanya pindaan undang-undang ini dan dengan adanya kerjasama yang lebih rapat lagi di antara Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang bertanggungjawab perkara ini dengan pihak Polis, saya harap tindakan yang lebih tegas lagi akan diambil terhadap pihak-pihak yang melakukan pekerjaan meniru karya-karya dan rekod-rekod yang saya tahu sekarang ini banyak berlaku. Dengan adanya perkembangan sebagaimana saya katakan di bidang kesusasteraan dan di bidang membuat rekod, jadi saya berharap tindakan yang lebih banyak lagi akan diambil terhadap pihak-pihak yang akan melakukan peniruan karya-karya dan rekod-rekod yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan di dalam negara kita ini.

Berkenaan dengan pertanyaan apakah tujuan pindaan ini, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat lagi dalam penerangan pendahuluan yang saya telah buat tadi, Undang-undang ini hanyalah untuk memperkemas fasal-fasal yang didapati tidak begitu kemas untuk kita menguatkan Undang-undang ini dengan lebih baik lagi. Denda ditambah, cara-cara pembicaraan itu dipersenangkan lagi pihak-pihak yang menuntut sesuatu hakcipta diberi kesempatan memasukkan affidavit menerusi peguamnya dan beliau sendiri tidak payah menghadiri sesuatu pembicaraan oleh sebab-sebab yang tertentu. Dan fasal yang menentukan bahawa kalau sekiranya seseorang itu memiliki lebih tiga naskah adalah prima facie melakukan kesalahan adalah satu fasal yang boleh mengetatkan lagi kawalan kita terhadap perkara peniruan karya dan sebagainya dengan seseorang itu juga didapati salah apabila memiliki satu-satu salinan karya dan sebagainya. Ini saya percaya dan saya yakin akan menjadi halangan bagi mana-mana pihak yang menyimpan satu-satu karya dengan tujuan yang baik. Jadi itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada lagi yang saya lupa sentuh di dalam jawapan saya ini, saya sedia memberi apa sahaja penjelasan tambahan kepada pihak-pihak Ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditunjukkan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3—

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Pengerusi, saya berasa sedikit keraguan dalam Clause 3 dalam naskah bahasa Inggeris, page 2, Clause 3 (v)—

“(6) For the purpose of paragraphs (d) and (f) of sub-section (1) any person who has in his possession three or more infringing copies shall, unless the contrary is proved, be presumed to be in possession of or to import such copies otherwise than for private or domestic use”.

Three or more infringing copies will be considered as against the Act, but in sub-clause (1)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

PENANGGUHAN

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN TANGGUHAN

IKLAN TV MERUPAKAN SEKS/ ROMANTIS

6.30 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap dalam Ucapan Tanggahan ini. Saya akan bercakap dengan secara ringkas dan saya akan menyentuh beberapa Kementerian sahaja.

Pertama, Kementerian Penerangan dapat dua sumber hasil yang besar iaitu hasil dari kutipan lesen-lesen Radio dan TV dan yang kedua bayaran-bayaran daripada iklan-iklan di Radio dan TV. Apa yang saya hendak menarik dalam sidang ini ialah iklan-iklan yang disiarkan melalui TV kebanyakannya iklan-iklan itu merupakan sex dan lucah. Tubuh-tubuh wanita yang terdapat selalu di iklankan dan ada setengah-setengah iklan itu pula sedang bercumbu-cumbuan, jadi iklan-iklan yang seumpama ini sebagai memberi pengajaran yang tidak langsung kepada belia-belie kita. Apa yang saya harapkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya menubuhkan sebuah Lembaga Penapis Iklan yang diterima dari syarikat-syarikat perniagaan. Kalau Kerajaan dapat mengadakan Lembaga Penapis kemasukan filem-filem dari luar negeri maka tidak ada sebab kenapa Kerajaan tidak boleh menubuhkan Lembaga yang tersebut.

Yang kedua, saya membawa pandangan saya di luar bandar. Kebanyakan daripada belia-belie kita begitu banyak yang menganggur. Akibat dari ini banyak belia-belie telah melibatkan diri dalam curi-mencuri dan lain-lain. Dan ada setengahnya pula yang berfikiran panjang telah meninggalkan kampung-kampung halaman untuk berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Apa yang saya harapkan kepada Kerajaan supaya mendirikan kilang-kilang hendaklah di luar bandar janganlah hanya ditumpukan di bandar-bandar sahaja.

Yang ketiga, di Pantai Timur khususnya di negeri Trengganu kebanyakan petani-petani adalah terdiri dari kaum wanita. Oleh kerana kaum wanita kebanyakannya bertanam padi dan sayur-sayuran, tetapi cara penggunaannya adalah secara lama. Jadi saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan kursus-kursus kepada kaum wanita yang di luar bandar yang akan bertani dengan secara moden. Jadi saya rasa kalau kaum-kaum tani kita mengadakan cara pertaniannya secara lama, maka hasil yang didapatinya adalah tidak begitu memuaskan. Saya rasa saya tidaklah hendak bercakap panjang dan saya akhiri Ucapan Penangguhan saya.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Penerangan, saya mengucap-

kan ribuan terima kasih atas ucapan Yang Berhormat Puan Zawiah berhubung dengan pendapatnya terhadap iklan-iklan di TV yang mengikut beliau banyak merupakan sex atau romantik. Seperti yang diketahui TV Malaysia mengeluarkan banyak iklan lebih-lebih lagi iklan adalah merupakan satu hasil negara kita. Dalam pada itu pula pihak RTM tidaklah semata-mata memandang dari segi wang ringgit sahaja, tetapi menitikberatkan soal masyarakat yang berbilang keturunan di negara ini lebih-lebih lagi dari segi adat resam dan ugama. Sebagai panduan pihak RTM telah menggubal satu Kod Iklan ataupun Advertising Code yang dikuatkuasakan pada tahun lalu. Antara kandungannya yang wajib para iklan mematuhi ialah:

- (i) semua iklan mestilah halal dari segi Undang-undang, dapat dipercayai serta benar mengikut apa yang diiklankan;
- (ii) iklan hendaklah memprojeikkan identiti Malaysia dengan menggambarkan kedudukan rakyat yang berbilang keturunan serta berasas kepada Rukun-negara;
- (iii) iklan tidak boleh menunjukkan seseorang keturunan itu dengan pekerjaan tradisionalnya ataupun not to identify each racial group with vocation.

Ada teguran tadi mengatakan Kementerian hendaklah menubuhkan sebuah Lembaga Penapis Iklan dan Lembaga Penapis ini ditadbirkan oleh pihak RTM. Yang sebenarnya, semua iklan yang dikeluarkan di TV Malaysia itu mesti diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem (Censorship Board) yang ada ditadbirkan oleh Kerajaan. Pada pendapat RTM tidaklah perlu ada lagi sebuah Censorship Board untuk mengawas iklan ini, kerana yang sudah ada itu memadai bagi kepentingan kita. Jadi tidak payahlah pada pendapat kami menubuhkan satu lagi Lembaga Penapis khas untuk iklan-iklan ini.

Pihak Kementerian memang sentiasa patuh akan mengikut public opinion jika satu-satu iklan yang betul-betul menjolok mata orang ramai dan pihak RTM tidak keberatan menariknya. Misalnya, baru-baru ini ada satu iklan yang menunjukkan Casino. Ada ramai public menulis surat kepada RTM dan pihak RTM menarik iklan itu kerana didapati benar dan mungkin ada pula yang mentafsirkan kalau casino di dalam iklan mungkin orang ramai mentafsirkan Kerajaan kita menggalakkan casino. Perkara seperti ini boleh kita tarik.

Soal sex adalah satu tafsiran yang agak luas dan sulit, kerana apa yang menjolok mata seseorang tidak pula menjolok mata orang lain. Hatta kadang-kadang ada juga. Jadi terdapatlah fikiran yang selalu berbelah-bahagi dalam soal ini. Jika Ahli Yang Berhormat itu dapat memberikan satu-satu iklan yang specific, maka bolehlah pihak RTM mengkaji dan mengambil tindakan yang wajar dan barangkali tidak payah menunggu Dewan bersidang sahaja, boleh menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri ataupun saya sendiri dan boleh kita memikirkan tindakan-tindakan yang sepatutnya. Pada tahun 1975 ini soalan kita ditumpukan kepada consumer education. Jadi beginilah

caranya kita membetulkan iklan-iklan supaya sesuai dengan kehendak masyarakat kita yang berbilang bangsa. Tetapi seperti saya katakan tadi jika ada syarikat-syarikat iklan yang specific, maka bolehlah diberitahu pihak kami di sana, boleh difikirkan samada wajar atau tidak ditarik balik. Soal-soal yang lain itu tidak dapat saya menjawabnya kerana tidak terlibat kepada Kementerian Penerangan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 15hb April, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.42 petang.